



LAPORAN TAHUNAN  
**2023**

# Wakaf ASNB

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2023

*Sabda Nabi SAW,  
“Apabila anak Adam meninggal dunia, maka terputuslah segala amalan  
kecuali 3 perkara iaitu, sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat, dan doa  
anak soleh yang sentiasa mendoakannya.”*

# ISI KANDUNGAN

---

PERUTUSAN Pengerusi	4
Pengenalan	5
Profil Ahli Lembaga Pengarah	6
Ahli Jawatankuasa Pengagihan Wakaf Bersama ASNB-MAIWP	7
Struktur Organisasi	8
WAKAF ASNB	9
Pengenalan	9
Definisi Wakaf	9
Konsep	9
Kaedah Pengurusan	10
Kelebihan	12
Sektor Projek	13
Terma dan Syarat	14
Saluran	15
Sesi Perkongsian Ilmu Bersama Peneraju Industri Wakaf dan Rakan Strategik	16
PRESTASI WAKAF ASNB	30
WAKAF ASNB KESELURUHAN	34
DANA MANFAAT WAKAF ASNB	35
Pengenalan	35
Pengurusan Agihan Dana Manfaat Wakaf ASNB	36
Laporan Agihan Dana Manfaat Wakaf ASNB 2023	38
Kategori Penerima Dana Manfaat Wakaf ASNB 2023	39
Negeri Agihan Dana Manfaat Wakaf ASNB 2023	40
Maklumat Agihan Dana Manfaat Wakaf ASNB	41
Sektor Kesihatan	41
Sektor Pendidikan	42
Sektor Pemerkasaan Komuniti	45
Sektor Misi Kemanusiaan	47
Senarai Penerima Agihan Dana Manfaat Wakaf ASNB 2023 Mengikut Jenis Agihan	48
Aktiviti Agihan Dana Manfaat Wakaf ASNB 2023	50
PENYATA PENGURUS DAN PENYATA KEWANGAN BERAUDIT BAGI DANA MANFAAT WAKAF ASNB	56

# PERUTUSAN PENGERUSI



Alhamdulillah, dengan penuh syukur atas segala limpahan rahmat dan nikmat yang dianugerahi oleh Allah SWT, ASNB Wakalah Sdn. Bhd. (AWSB) dapat meneruskan tanggungjawab dan amanah yang diberikan oleh para pewakaf ASNB untuk menguruskan sumbangan wakaf mereka. Penghargaan yang setinggi-tingginya diucapkan kepada pewakaf ASNB atas sumbangan mereka yang tidak ternilai dalam memberikan bantuan berterusan kepada masyarakat dan pembangunan ummah.

Saya amat bersyukur atas kepercayaan dan sokongan yang tidak berbelah bahagi daripada para pewakaf dan pihak-pihak berkepentingan yang turut serta dalam memenuhi misi kebajikan untuk membantu masyarakat Malaysia terutamanya bagi golongan yang memerlukan. Matlamat utama AWSB juga adalah untuk memastikan bahawa setiap sumbangan wakaf yang diterima dapat diterjemahkan kepada perubahan yang bermakna dan mampan bagi kebaikan masyarakat. Setiap sumbangan yang diterima diharap dapat membawa sinar harapan kepada mereka dalam meringankan beban kehidupan seharian yang kian mencabar ini.

Tahun 2023 telah menjadi satu lagi bukti komitmen AWSB untuk menjalankan amanah yang diberikan oleh para pewakaf dengan penuh dedikasi, iltizam dan integriti bagi memastikan sumbangan yang diberikan dapat disalurkan dengan sebaik mungkin. Seterusnya, AWSB berazam untuk meneruskan usaha

menambah nilai dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik serta mengukuhkan tadbir urus pengurusan Wakaf ASNB agar ia lebih progresif dan dinamik.

Pihak AWSB juga akan turut meneruskan usaha bagi mengembangkan industri wakaf bersama peneraju-peneraju wakaf dan rakan-rakan strategik yang lain bagi mengoptimumkan potensi wakaf di Malaysia demi manfaat ummah. Pelbagai program dan inisiatif yang dirancang telah dilaksanakan bagi menggalakkan budaya berwakaf diterapkan dalam kehidupan masyarakat khususnya kepada para pemegang unit ASNB. Pihak pengurusan AWSB juga komited untuk memastikan bahawa tadbir urus perkhidmatan Wakaf ASNB dijalankan secara profesional, cekap dan berkesan agar dana manfaat dari dana wakaf dapat memberi kebaikan kepada pewakaf dan penerima sumbangan wakaf.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih turut diucapkan kepada semua jabatan dan agensi kerajaan, syarikat swasta, rakan strategik serta semua pihak yang sama-sama telah menjayakan program yang dilaksanakan sepanjang tahun 2023. Sokongan serta bantuan semua pihak untuk meningkatkan martabat wakaf di negara ini amat dihargai dan semoga kerjasama yang terjalin terus dikekalkan untuk kebaikan bersama. Semoga Allah SWT sentiasa memberkati segala usaha, memudahkan urusan untuk menunaikan tanggungjawab dengan penuh hikmah, amanah dan dedikasi serta merealisasikan perancangan bagi tahun 2024 dan tahun-tahun yang mendatang.



Datuk Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin  
Pengerusi, ASNB Wakalah Sdn. Bhd.

“  
**Semoga Allah SWT sentiasa memberkati segala usaha, memudahkan urusan untuk menunaikan tanggungjawab dengan penuh hikmah, amanah dan dedikasi perancangan bagi tahun 2024 dan tahun-tahun yang mendatang.**

”

# PENGENALAN



ASNB Wakalah Sdn. Bhd. (AWSB) merupakan anak syarikat milik penuh ASNB

ASNB Wakalah Sdn. Bhd. (AWSB) merupakan anak syarikat milik penuh ASNB yang ditubuhkan pada 25 Januari 2021 bagi mentadbir serta menguruskan perkhidmatan Wakaf ASNB untuk pemegang unit ASNB.

AWSB telah menjalinkan kerjasama strategik bersama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan mendapat pengiktirafan sebagai Mutawalli oleh MAIWP untuk mengurus dan mentadbir dana wakaf unit amanah ASNB.

Sebagai Mutawalli, AWSB bertanggungjawab untuk mengumpulkan unit amanah ASNB yang diwakafkan melalui perkhidmatan Wakaf ASNB dan mentadbir urus wakaf tersebut. Selain itu, AWSB juga dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan pengagihan dana manfaat wakaf kepada penerima yang berkelayakan melalui proses saringan 'ketekunan wajar' dan memastikan dana wakaf ditadbir urus dengan telus dan efektif melalui usahasama bersama pihak MAIWP.

Untuk memastikan ketelusan pengagihan dana manfaat wakaf, satu jawatankuasa khas iaitu Jawatankuasa Pengagihan Wakaf Bersama ASNB-MAIWP (JPWB) telah ditubuhkan. Ahli-ahli jawatankuasa ini merupakan pegawai-pegawai yang arif dan berpengalaman luas dalam bidang wakaf dan muamalat yang terdiri daripada Ahli Lembaga Pengarah AWSB, ahli-ahli MAIWP dan wakil bebas. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk memberi

nasihat, menyaring, dan meluluskan sebarang projek dan penerima dana manfaat wakaf yang telah dikenal pasti oleh AWSB selain menasihati mengenai isu-isu hukum yang berkaitan kepatuhan syariah, dasar, polisi, program dan aktiviti operasi dana manfaat wakaf.

Sebarang projek wakaf yang dicadangkan akan melalui proses saringan 'ketekunan wajar' dari segi pematuhan dan operasi bagi memastikan projek dan pengurus projek wakaf tersebut berkelayakan dalam menguruskan projek wakaf termasuk memenuhi keperluan pematuhan yang ditetapkan oleh polisi dalaman syarikat. Ketekunan wajar juga akan dilaksanakan ke atas penerima yang dicadangkan oleh AWSB atau ASNB bagi memastikan kelayakan pemohon sebagai calon penerima dana manfaat wakaf ASNB.

Keunikan perkhidmatan Wakaf ASNB adalah pengagihan dana manfaatnya yang terbuka kepada seluruh Malaysia dan tidak tertakluk kepada sesebuah negeri sahaja. Ini adalah selari dengan model perniagaan Wakaf ASNB yang menawarkan perkhidmatan wakaf kepada semua pemegang unit ASNB yang berada di seluruh negara di mana sumbangan mereka dapat disebar luaskan kepada golongan yang memerlukan di seluruh negara.

Bagi memastikan ketelusan pelaporan aktiviti-aktiviti pengumpulan dan pengagihan wakaf ASNB, AWSB akan menyediakan laporan tahunan untuk rujukan para pewakaf serta masyarakat secara amnya.

# PROFIL AHLI LEMBAGA PENGARAH

---



## **DATUK PROF. DR. MOHAMAD AKRAM LALDIN**

**Pengerusi, ASNB Wakalah Sdn. Bhd.**

**Pendidikan:**

Ph.D dalam Perundangan Islam, Universiti Edinburgh, United Kingdom | B.A. Hons. dalam Fiqh dan Usul al-Fiqh, Universiti Jordan, Jordan.

**Kepakaran:**

Syariah | Kewangan Islam | Pasaran Modal Islam | Perbankan dan Takaful



## **MUZZAFFAR OTHMAN**

**Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Eksekutif, ASNB**

**Pendidikan:**

Ijazah Sarjana Muda Sains (Kimia), Universiti Wisconsin-Madison, Amerika Syarikat, 1992 | Ijazah Bersekutu Pengajian Am dari Universiti Indiana, Amerika Syarikat, 1990.

**Kepakaran:**

IT & Transformasi | Perbankan Takaful | Penerbangan | Unit Amanah



## **DR. AHMAD BASRI IBRAHIM**

**Ketua Pengurusan Syariah, PNB**

**Pendidikan:**

Ph.D dalam Undang-undang Islam, Universiti Birmingham, 2005. | Sarjana Fiqh dan Usul Fiqh, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), 2001 | Sarjana Muda dalam Perundangan Islam, Universiti Jordan, 1997

**Kepakaran:**

Fiqh dan Usul Fiqh | Undang-undang Jenayah Islam | Fiqh Al-Muamalat | Sistem Politik Islam | Maksim Perundangan Islam

# AHLI JAWATANKUASA PENGAGIHAN WAKAF BERSAMA ASNB-MAIWP

---



**DATUK PROF. DR. MOHAMAD  
AKRAM LALDIN**  
Pengerusi  
ASNB Wakalah Sdn. Bhd.



**MUZZAFFAR OTHMAN**  
Ahli Lembaga Pengarah  
ASNB Wakalah Sdn. Bhd.



**MOHD FAUZI ABIDIN**  
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif  
(Pengurusan) MAIWP



**DATO' SELAMAT PAIGO**  
Ketua Pengarah  
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji  
(JAWHAR)




**DR. AHMAD BASRI IBRAHIM**  
Ahli Lembaga Pengarah  
ASNB Wakalah Sdn. Bhd.



**DR. HAJI RAZALI OTHMAN**  
Ahli Jawatankuasa Wakaf MAIWP

# STRUKTUR ORGANISASI



ASNB Wakalah Sdn. Bhd. merupakan sebahagian daripada Kumpulan PNB dan anak syarikat milik penuh ASNB. Antara jabatan-jabatan yang terdapat di ASNB dan PNB adalah seperti berikut:





# WAKAF ASNB

## Pengenalan

Wakaf ASNB adalah platform untuk pemegang unit mewakafkan pelaburan unit amanah ASNB mereka melalui gabungan konsep pelaburan dan wakaf bagi memastikan sumbangan mereka kekal berterusan.

Dana wakaf pemegang unit akan kekal sebagai pelaburan pokok dan hanya pulangan hasil daripada pelaburan ini akan disalurkan ke projek wakaf berkepentingan negara yang dikenal pasti untuk pembangunan masyarakat dan ummah.

Aspirasi ASNB adalah untuk menawarkan pengurusan kewangan yang komprehensif kepada para pemegang unit, sejak dari awal kelahiran hingga ke akhir hayat. Wakaf ASNB merupakan antara pelengkap kepada perkhidmatan pengurusan kewangan yang ditawarkan oleh ASNB bagi membantu pemegang unit melaksanakan pelaburan saham akhirat melalui tadbir urus yang efisien dan efektif.

## Definisi Wakaf

Dari segi lughah (Bahasa): berhenti, menahan, menghalang.

Dari segi istilah: Apa-apa harta yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan, hibah dan wasiat di samping mengekalkan sumber fizikalnya, untuk kebajikan dengan niat untuk mendekatkan diri pewakaf kepada Allah S.W.T.

## Konsep


Wakaf ASNB menggabungkan konsep pelaburan dan wakaf bagi memastikan sumbangan pewakaf kekal berterusan. Harta wakaf bagi perkhidmatan Wakaf ASNB adalah dalam bentuk unit amanah yang bersifat kekal iaitu dengan mengaplikasikan konsep wakaf 'Muabbad'. Ia merupakan aset wakaf yang tidak boleh dijual, dipindah milik atau diwarisi untuk memastikan manfaat yang berterusan.

Unit amanah yang diwakafkan akan dikekalkan bagi menjana pulangan berterusan untuk tahun-tahun berikutnya. Manakala pulangan pelaburan dalam bentuk pengagihan pendapatan akan disalurkan sebagai dana manfaat wakaf. Dana manfaat wakaf ini akan disalurkan ke projek-projek wakaf yang dikenalpasti oleh AWBSB dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah atau Jawatankuasa Pengagihan Wakaf Bersama ASNB-MAIWP.

Projek-projek wakaf yang telah dikenalpasti adalah merangkumi sektor pendidikan, kesihatan, misi kemanusiaan dan pemerikasaan komuniti. Manfaat berterusan yang terjana daripada unit wakaf yang disumbangkan akan terus menerus memberi manfaat kepada masyarakat dan golongan yang memerlukan. Pewakaf juga dapat menunaikan amal jariah dan kebajikan secara berterusan semasa hidup mahupun setelah meninggal dunia.



# Kaedah Pengurusan



TKB: Tahun Kewangan Berakhir

Berdasarkan permohonan pemegang unit, unit amanah yang ingin diwakafkan akan dipindahkan daripada akaun pemegang unit ke akaun khas yang dipegang oleh pemegang amanah tunggal iaitu Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Walau bagaimanapun, dari segi pengurusan dan pelaburan dana, unit-unit wakaf tersebut masih diuruskan oleh pihak PNB, sama seperti pelaburan para pemegang unit yang lain dan masih kekal sebagai sebahagian unit dalam edaran unit amanah tersebut. Unit-unit wakaf ini akan dikekalkan sebagai prinsipal untuk menjana pengagihan pendapatan iaitu dana manfaat wakaf.

Pada tahun kewangan berakhir bagi unit amanah yang diwakafkan, sekiranya ada pengagihan pendapatan diisytiharkan oleh pengurus dana, pengagihan pendapatan yang terjana daripada prinsipal unit wakaf tersebut akan dibayar dan dipindahkan ke Akaun Pengagihan Wakaf untuk disumbangkan ke projek-projek wakaf setelah ditolak yuran-yuran yang berkaitan. Akaun Pengagihan Wakaf yang diuruskan oleh AWSB akan melaporkan segala aktiviti kewangan yang melibatkan dana manfaat wakaf yang diperolehi, yuran yang dibayar dan manfaat yang diagihkan.

Pelaporan aktiviti kewangan Akaun Pengagihan Wakaf akan diaudit oleh juruaudit dalaman dan luaran bagi memastikan tadbir urusnya dilaksanakan secara berhemah dan telus. Setiap tahun, pewakaf akan diberikan penyata wakaf yang akan memaklumkan kepada pewakaf, wakaf yang telah mereka laksanakan berserta dana manfaat wakaf yang terjana daripada sumbangan wakaf tersebut. Penyata berserta Laporan Tahunan Wakaf ASNB akan die-mel kepada para pewakaf. Laporan Tahunan Wakaf ASNB juga boleh didapati di laman web ASNB, untuk rujukan masyarakat dan para pemegang unit ASNB.



## Kelebihan



## Sektor Projek



## Terma dan Syarat



## Saluran

Permohonan Wakaf ASNB boleh dilakukan secara dalam talian menerusi portal dan aplikasi mudah alih myASNB. Selain itu, permohonan Wakaf ASNB juga boleh dilakukan di 32 cawangan ASNB di seluruh negara.



# SESI PERKONGSIAN ILMU BERSAMA PENERAJU WAKAF DAN RAKAN STRATEGIK

Sepanjang tahun 2023, AWSB telah melaksanakan sesi perkongsian ilmu bersama peneraju industri wakaf yang telah lama berkecimpung dalam industri wakaf, seperti Majlis Agama Islam Negeri-negeri di seluruh Malaysia. Sesi tersebut bertujuan untuk memperkenalkan AWSB serta perkhidmatan Wakaf ASNB yang disediakan kepada para pemegang unit ASNB.

Di samping itu sesi ini juga adalah platform bagi membina hubungan dan rangkaian yang baik dengan peneraju industri wakaf dan rakan-rakan strategik dalam usaha memperkasakan lagi usaha penyebaran wakaf dan mengambil peluang untuk menjalin potensi kolaborasi bersama Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan peneraju wakaf yang lain dalam projek agihan wakaf di negeri masing-masing.

Kunjungan hormat ke MAIN telah memberikan ruang yang lebih luas bagi mempertingkatkan usaha pengagihan wakaf yang lebih berimpak tinggi untuk manfaat seluruh masyarakat Malaysia. Dengan kolaborasi bersama MAIN setiap negeri, agihan dana manfaat wakaf dapat dilaksanakan dengan lebih menyeluruh, efisien dan efektif. Hubungan dan kerjasama yang baik bersama MAIN setiap negeri diharap dapat memperkasakan lagi potensi wakaf dalam membantu meningkatkan pembangunan sosio ekonomi negara dan ummah.

Selain itu, sesi perjumpaan dengan pelbagai badan organisasi turut diadakan bagi membantu AWSB mengenal pasti dan mempertimbangkan projek-projek wakaf yang berpotensi selain untuk menjalin hubungan kerjasama dengan badan organisasi tersebut bagi agihan sumbangan manfaat wakaf.

Bil.	Bulan Perjumpaan	Entiti/Rakan Strategik
1.	Januari 2023	AIBIM (MyWakaf)
2.	Februari 2023	Yayasan Canselori UKM
3.	Februari 2023	Hidayah Centre Foundation
4.	Mac 2023	PKEINPK Sdn Bhd
5.	Mac 2023	Pertubuhan Pembangunan Insan Darussalam Malaysia
6.	April 2023	TAWFEQ MAIWP
7.	Mei 2023	Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM)
8.	Mei 2023	Wakaf Pulau Pinang
9.	Mei 2023	Centre of Islamic Development Management Study, Universiti Sains Malaysia (ISDEV USM)
10.	Jun 2023	Khadijah International Waqaf Foundation
11.	Jun 2023	Yayasan Didik Negara (YDN)
12.	Julai 2023	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan
13.	Julai 2023	Waqaf An-Nur
14.	Julai 2023	Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS)
15.	Julai 2023	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM)
16.	Ogos 2023	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs)
17.	Ogos 2023	Perbadanan Wakaf Selangor
18.	September 2023	Pertubuhan Dapur Infaq Ummah
19.	September 2023	Majlis Agama Islam Melaka
20.	Oktober 2023	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk)
21.	Oktober 2023	Majlis Ugama Islam & Adat Resam Melayu Pahang (MUIP)







## Aktiviti Pemasaran Wakaf ASNB

Terdapat banyak aktiviti yang dilakukan oleh AWSB untuk memperkenalkan dan mempromosikan perkhidmatan Wakaf ASNB kepada para pemegang unit ASNB dan masyarakat secara umum. Usaha pemasaran ini dilaksanakan sepanjang tahun yang meliputi pelbagai platform agar ianya dapat menjangkau pelbagai lapisan masyarakat. Antara aktiviti yang dilaksanakan sepanjang tahun adalah seperti berikut:



Aktiviti 'road show' iaitu program "Singgah Labur" anjuran ASNB untuk memberi perkhidmatan secara langsung kepada pemegang-pemegang unit di seluruh negara. Aktiviti ini telah memberi peluang kepada pemegang unit untuk mendapatkan perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan oleh ASNB termasuk Wakaf ASNB. Aktiviti ini telah dijalankan bermula Februari sehingga September 2023 di seluruh negara di lokasi-lokasi terpilih.



Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) adalah program tahunan yang dianjurkan oleh PNB dan ASNB bertujuan untuk mendedahkan masyarakat kepada Literasi Kewangan. MSAM yang merupakan acara Literasi Kewangan terbesar di Malaysia, pada tahun ini telah diadakan di Setia Fontaines, Pulau Pinang bermula 30 September sehingga 8 Oktober 2023. Program ini menawarkan pelbagai aktiviti anjuran PNB, ASNB dan syarikat-syarikat pelaburan strategik PNB serta organisasi seperti Federation of Investment Managers Malaysia (FIMM) dan sebagainya untuk mendidik masyarakat berkenaan kepentingan menguruskan kewangan dengan baik. Ini termasuk pengurusan kewangan untuk melaksanakan kewajiban sosial individu terhadap masyarakat, antaranya melalui sumbangan wakaf. Para pengunjung juga didedahkan

bahawa pengurusan Wakaf ASNB menitikberatkan ketelusan dan integriti yang tinggi bagi memastikan sumbangan para pewakaf disalurkan kepada golongan yang berkeelayakan dan yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat Malaysia khususnya. Melalui MSAM 2023 ini, lebih 200 pengunjung telah berwakaf dengan Wakaf ASNB dan membawa pulang pelbagai cenderamata istimewa.





***Kaunter Perkhidmatan Pelanggan  
di Teluk Intan***



***Kaunter Perkhidmatan Pelanggan  
di Velesto Energy Berhad***

Kaunter Perkhidmatan Pelanggan yang dilaksanakan setiap bulan memberikan perkhidmatan wakaf dan/atau taklimat Wakaf ASNB secara terus kepada pemegang unit ASNB dengan kerjasama organisasi-organisasi seperti Kumpulan Wang Persaraan, Majlis Perbandaran Manjong Perak, Velesto Energy Berhad, Avaland Berhad dan sebagainya. Melalui program ini, para pemegang unit dapat berurusan terus dan mudah dengan ASNB untuk mendapatkan khidmat nasihat dan melaksanakan urus niaga ASNB termasuk wakaf tanpa perlu ke cawangan atau ejen ASNB.



*Penaja Forum Wakaf UKM*

AWSB adalah antara penaja Forum Wakaf sempena sambutan bulan Wakaf Wanita anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi bagi menggalak dan mendedahkan warga UKM kepada instrumen kewangan Islam serta memperkenalkan cara baharu untuk berwakaf melalui unit amanah dan peranan wanita dalam pelaksanaan wakaf. Pengerusi AWSB iaitu Datuk Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin turut menjadi ahli panel forum tersebut yang diadakan pada 8 Mac 2023 dengan tema “Wakaf Untuk Pembangunan Madani”.




*Penaja "Faith Events"*

AWSB merupakan antara penaja bagi program ceramah Islam yang popular anjuran Faith Events pada 18 sehingga 20 Ogos 2023, menampilkan penceramah antarabangsa terkenal, Yasmin Mogahed. Program telah diadakan di Ideal Convention Centre, Shah Alam dan dihadiri lebih 2,000 peserta. AWSB turut menyediakan perkhidmatan Wakaf ASNB pada program tersebut selain memberikan pendedahan berkenaan faedah dan keistimewaan Wakaf ASNB kepada para peserta.



**Persidangan Wakaf Madani**

AWSB turut menaja Persidangan Wakaf Madani 2023 yang diadakan di Bertam Resort, Pulau Pinang pada 26 September, anjuran Wakaf Pulau Pinang dengan kerjasama Etiqa Takaful. Persidangan tersebut juga telah menjadi salah satu platform perkongsian ilmu mengenai perkembangan wakaf, hal ehwal pembangunan, perancangan jangka panjang, pengurusan dan pentadbiran, serta fiqh wakaf yang telah dihadiri lebih 600 peserta.



**Video Pemasaran Wakaf ASNB**

Video pemasaran Wakaf ASNB telah dimuat naik di platform media sosial seperti Instagram, Facebook dan Youtube rasmi ASNB sepanjang tahun yang merangkumi maklumat dan hebahan mengenai Wakaf ASNB dan kelebihannya.



Melalui program Sembang-sembang ASNB, sesi perbincangan berkenaan manfaat wakaf telah diadakan sepanjang bulan Ramadan bagi meningkatkan lagi pengetahuan dan kesedaran orang ramai. Webinar ini telah diadakan secara langsung melalui platform digital seperti Facebook ASNB dan Zoom. Selain itu, video berkenaan turut dimuatnaik di platform ASNB Academy menegenahkan tajuk berkenaan kepentingan dan kebaikan Wakaf dan Hibah untuk pelaburan akhirat yang boleh ditonton secara dalam talian, di ASNB Academy ([www.asnbacademy.com.my](http://www.asnbacademy.com.my)) dan Youtube ASNBMy.



Topik yang dibincangkan dalam slot bicara maqasid adalah berkenaan Ramadan dan Wakaf yang telah dikupas dalam beberapa siri oleh Pengerusi AWSB, Datuk Prof Dr Mohamad Akram Laldin, ahli Jawatankuasa Pengagihan Wakaf Bersama ASNB-MAIWP, Dr Hj Razali Othman dan Ketua AWSB, Encik Mohd Ridza Yahya. Perbincangan bersiri ini dapat memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan dan ganjaran bersedekah serta berwakaf di bulan Ramadan termasuk kelebihan berwakaf dengan Wakaf ASNB untuk meraih pahala yang berterusan di dunia dan akhirat.





### *Pengiklanan Wakaf ASNB di Radio*

Pengiklanan melalui radio telah menjadi salah satu cara yang paling berkesan untuk memperkenalkan perkhidmatan Wakaf ASNB kepada masyarakat. Dengan cakupan yang luas, demografi pendengar yang tepat dapat disasarkan. Antara pengiklanan radio yang dilaksanakan adalah melalui Radio IKIM dan ZAYAN.



Video berkenaan sumbangan agihan telah diterbitkan oleh penyedia perkhidmatan dalam talian iaitu Kinihalal yang meninjau sendiri penyerahan dan penggunaan alatan pembelajaran memasak dan elektronik kepada penerima manfaat wakaf Taman Sinar Harapan Ziyad Zolkefli Cheras, Kuala Lumpur. Institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat ini memberi penjagaan, perlindungan dan pemulihan kepada remaja OKU (Masalah Pembelajaran).

Sumbangan yang diperolehi telah dimanfaatkan sepenuhnya oleh penghuni Taman Sinar Harapan bagi membantu mereka meningkatkan kemahiran asas seperti pengendalian diri, pengurusan kerja rumah, latihan pravokasional bagi membantu mereka untuk berdikari dan pada masa yang sama boleh mengasah bakat mereka dalam bidang vokasional. Video ini boleh didapati di Facebook Malaysiakini BM dan di pautan kinihalal.com



### *Penerbitan Artikel Wakaf ASNB*

Sebuah artikel bertajuk, “Wakaf ASNB: Gabungan Pelaburan Saham Dunia Dan Akhirat” telah diterbitkan bagi memperkenalkan wakaf kontemporari yang ditawarkan oleh ASNB melalui pelaburan unit amanah ASNB sedia ada. Artikel ini juga menyentuh ciri-ciri dan kelebihan berwakaf dengan Wakaf ASNB melalui gabungan konsep pelaburan dan wakaf untuk memastikan manfaat wakaf yang berterusan. Selain itu, ia turut menyatakan agihan-agihan yang telah dilaksanakan bagi tahun 2022. Artikel ini boleh didapati di pautan [kinihalal.com](http://kinihalal.com).



### *Papan Iklan Lembah Klang*

Sebahagian daripada usaha untuk memperkenalkan perkhidmatan Wakaf ASNB adalah melalui siaran di papan iklan di sekitar Lembah Klang. Sebanyak 5 papan iklan didirikan di lokasi yang telah dikenal pasti.



### Kempen Wakaf di myASNB

Kempen Wakaf ASNB melalui portal dan aplikasi mudah alih myASNB telah dijalankan untuk menggalakkan pewakaf menyumbang secara dalam talian. Melalui kempen ini, 200 pewakaf baru yang terawal, layak untuk mendapat RM50 unit amanah percuma yang dipindahkan ke dalam akaun unit amanah pewakaf. Platform ini membantu individu untuk membuat sumbangan wakaf dengan lebih mudah dan pantas. Ia merupakan langkah proaktif dalam memanfaatkan teknologi untuk tujuan amal dan kebajikan sosial.



### Penghargaan kepada Pewakaf

Sebagai tanda penghargaan, pelbagai bentuk cenderamata korporat telah diberikan kepada pewakaf termasuk e-sijil dan resit sumbangan wakaf yang dihantar melalui e-mel bagi setiap wakaf yang dilaksanakan.

Berikut adalah jadual aktiviti yang dilaksanakan oleh AWSB sepanjang tahun yang meliputi aktiviti pemasaran dan sebagainya.

<b>Bulan</b>	<b>Aktiviti</b>
Januari	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Khidmat nasihat wakaf khas di cawangan ASNB Kuala Lumpur, Shah Alam, Putrajaya, Kuala Selangor.</li> <li>• Video pemasaran Wakaf di media sosial.</li> </ul>
Februari	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemasaran melalui SMS kepada pemegang unit ASNB.</li> <li>• Pemasaran wakaf di platform media sosial.</li> <li>• Penyiaran iklan di radio IKIM.</li> <li>• Singgah Labur Sarawak.</li> </ul>
Mac	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Forum Wakaf di UKM sempena Sambutan Bulan Wakaf Wanita.</li> <li>• Kaunter Perkhidmatan Pelanggan di Parlimen.</li> <li>• Kempen Kongsi Rezeki @ Wakaf ASNB bersama rakan sekerja PNB/ASNB</li> <li>• Pemasaran melalui SMS kepada pemegang unit ASNB.</li> <li>• Kaji selidik perkhidmatan Wakaf ASNB.</li> <li>• Bicara Maqasid di radio IKIM Siri 1.</li> </ul>
April	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bicara Maqasid di radio IKIM Siri 2.</li> <li>• Bicara Maqasid di radio IKIM Siri 3.</li> <li>• Pemasaran melalui SMS kepada pemegang unit ASNB.</li> <li>• Pemasaran wakaf di platform media sosial.</li> <li>• Webinar: Kongsi Rezeki Untuk Kebaikan Hakiki Dengan Wakaf ASNB.</li> <li>• Kaunter Perkhidmatan Pelanggan di KWAP Kuala Lumpur &amp; Cyberjaya.</li> <li>• Pemasaran melalui e-mel kepada pemegang unit ASNB.</li> <li>• Pemasaran melalui papan iklan digital di sekitar Kuala Lumpur.</li> </ul>
Mei	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemasaran wakaf di platform media sosial.</li> <li>• Pemasaran melalui SMS kepada pemegang unit ASNB.</li> <li>• Singgah Labur di Perak.</li> </ul>
Jun	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Singgah Labur di Johor, Sarawak, Sabah, Melaka.</li> <li>• Artikel Wakaf ASNB di Kinihalal.</li> <li>• Pemasaran melalui SMS kepada pemegang unit ASNB.</li> <li>• Kaunter Perkhidmatan Pelanggan di Maybank Kampar &amp; Setapak.</li> <li>• Pemasaran melalui myASNB kepada pemegang unit ASNB.</li> <li>• Video agihan dana manfaat Wakaf ASNB di Facebook Malaysiakini, oleh Kinihalal.</li> <li>• Pemasaran melalui e-mel kepada pemegang unit ASNB.</li> </ul>
Julai	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Singgah Labur Sabah, Pahang, Terengganu.</li> <li>• Pemasaran melalui SMS kepada pemegang unit ASNB.</li> <li>• Video pemasaran Wakaf di media sosial.</li> <li>• Kaunter Perkhidmatan Pelanggan di Kuantan &amp; Temerloh.</li> </ul>

Ogos	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyiaran iklan di radio Zayan.</li> <li>• Pemasaran wakaf di platform media sosial.</li> <li>• Pemasaran melalui SMS kepada pemegang unit ASNB.</li> <li>• Kempen Wakaf ASNB melalui myASNB.</li> <li>• Singgah Labur Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan dan Selangor.</li> <li>• Penajaan dan pembukaan 'booth' di Faith Events – Yasmin Mogahed.</li> <li>• Kaunter Perkhidmatan Pelanggan di Teluk Intan &amp; Majlis Perbandaran Manjung.</li> </ul>
September	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemasaran wakaf di platform media sosial.</li> <li>• Singgah Labur Kangar, Alor Setar, Sungai Petani.</li> <li>• Pemasaran melalui e-mel kepada pemegang unit ASNB.</li> <li>• Pemasaran melalui myASNB kepada pemegang unit ASNB.</li> <li>• Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) di Bertam, Pulau Pinang.</li> </ul>
Oktober	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemasaran melalui e-mel kepada pemegang unit ASNB.</li> <li>• Pemasaran wakaf di platform media sosial.</li> <li>• Pemasaran melalui SMS kepada pemegang unit ASNB.</li> <li>• Singgah Labur Kelantan.</li> </ul>
November	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Video pemasaran Wakaf di media sosial.</li> <li>• Pemasaran melalui SMS kepada pemegang unit ASNB.</li> <li>• Kaunter Perkhidmatan Pelanggan di Avaland, MOSTI, Konvokesyen UKM, Velesto Energy Bhd, Sime Darby Bukit Tinggi Hospital.</li> <li>• Pemasaran melalui myASNB kepada pemegang unit ASNB.</li> </ul>
Disember	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemasaran wakaf di platform media sosial.</li> <li>• Pemasaran melalui SMS kepada pemegang unit ASNB.</li> <li>• Kaunter Perkhidmatan Pelanggan di Konvokesyen USIM.</li> <li>• Karnival Upin &amp; Ipin di MITC, Melaka.</li> <li>• Pemasaran melalui e-mel kepada pemegang unit ASNB.</li> </ul>

## Wakaf Harta Bekalan Akhirat

“ Kamu tidak akan memperolehi kebajikan, sebelum kamu menginfakkan sebahagian harta yang kamu cintai. Dan apa pun yang kamu infakkan, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui”

- Surah Ali Imran Ayat 92 -


# PRESTASI WAKAF ASNB

Prestasi Wakaf ASNB dalam tempoh tiga tahun berturut-turut menunjukkan pertumbuhan yang signifikan dalam jumlah kutipan yang diperolehi. Pada tahun 2021 iaitu dalam masa 3 bulan selepas dilancarkan, jumlah kutipan wakaf adalah sebanyak RM3.12 juta, yang kemudiannya mengalami peningkatan yang amat ketara kepada RM27.21 juta pada tahun 2022. Walau bagaimanapun, pada tahun 2023, jumlah kutipan menurun sedikit kepada RM20.48 juta.


Walaupun terdapat sedikit penurunan pada tahun 2023 berbanding tahun sebelumnya, prestasi ini masih menunjukkan kepercayaan dan sokongan yang berterusan daripada masyarakat dengan perkhidmatan Wakaf ASNB.

Komitmen ASNB Wakalah terhadap pengumpulan amaun wakaf tetap teguh, dan berazam untuk terus menggalakkan kesedaran serta penglibatan masyarakat dalam meningkatkan kebajikan umum melalui pelbagai inisiatif Wakaf ASNB.

## UNIT WAKAF TERKUMPUL



## BILANGAN PEWAKAF BAHARU



Pada tahun 2021, jumlah pewakaf adalah seramai 796 orang dan meningkat dengan signifikan pada tahun 2022 dengan 6,807 pewakaf baharu. Pewakaf sedia ada juga turut berwakaf secara berulang dalam tempoh tersebut.

Pada tahun 2023 pula, seramai 6,768 pewakaf baharu telah menyertai perkhidmatan Wakaf ASNB, menjadikan jumlah keseluruhannya serama 14,371 pewakaf sejak dilancarkan tiga tahun lalu.

Selain menandakan keyakinan dan kepercayaan masyarakat terhadap perkhidmatan wakaf ASNB, pencapaian ini juga mencerminkan kejayaan strategi pemasaran dan promosi tentang kepentingan dan kelebihan berwakaf yang dijalankan secara konsisten di pelbagai platform.


Pihak pewakaf dan pihak berkepentingan telah membantu mewujudkan hasrat untuk memperluaskan pengaruh wakaf kepada pelbagai lapisan masyarakat. ASNB Wakalah Sdn. Bhd. berazam untuk terus menyediakan perkhidmatan yang terbaik dan memperluaskan kesedaran wakaf di samping menjalankan amanah para pewakaf menggandakan pahala mereka untuk pelaburan akhirat.

## UNIT WAKAF MENGIKUT UNIT AMANAH BAGI TAHUN 2023




Jumlah keseluruhan unit wakaf bagi tahun 2023 adalah sebanyak 20.48 juta unit. Unit Wakaf tertinggi adalah daripada unit amanah Amanah Saham Bumiputera (ASB) sebanyak 17.22 juta unit diikuti dengan Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2), 1.06 juta unit, Amanah Saham Malaysia 2 Wawasan (ASM 2 Wawasan), 0.87 juta unit, Amanah Saham Bumiputera 3 Didik (ASB 3 Didik), 0.67 juta unit, Amanah Saham Malaysia 3 (ASM 3), 0.59 juta unit dan Amanah Saham Malaysia (ASM), 0.08 juta unit.

## KUTIPAN WAKAF TERKUMPUL MENGIKUT UNIT AMANAH



Kutipan wakaf terkumpul berdasarkan unit amanah sejak pelancaran Wakaf ASNB pada 25 Oktober 2021 hingga 31 Disember 2023 adalah sebanyak 50.81 juta unit. Sebanyak 76% daripada dana wakaf ASNB sumbangan pewakaf adalah melalui unit amanah ASB dan diikuti dengan unit amanah harga tetap ASNB yang lain.

## UNIT WAKAF MENGIKUT SALURAN




Wakaf ASNB dilaksanakan di cawangan ASNB dan juga melalui portal dan aplikasi mudah alih myASNB. Pelaksanaan wakaf sebanyak 18.51 juta unit wakaf melalui kaunter di cawangan-cawangan ASNB merupakan saluran pilihan utama bagi penyertaan para pemegang unit berwakaf dengan Wakaf ASNB. Sementara itu, kutipan sebanyak 1.98 juta unit wakaf adalah melalui saluran dalam talian.




Jumlah pengagihan pendapatan daripada unit-unit amanah Wakaf ASNB bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 adalah seperti berikut:

### PENGAGIHAN PENDAPATAN MENGIKUT UNIT AMANAH BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023



# WAKAF ASNB KESELURUHAN



# DANA MANFAAT WAKAF ASNB

## Pengenalan

Dana manfaat wakaf adalah jumlah pengagihan pendapatan yang diperolehi daripada unit amanah yang telah diwakafkan berdasarkan formula pengiraan pengagihan pendapatan/bonus tabung unit amanah tersebut.

Dana manfaat wakaf yang diperolehi akan diagihkan kepada setiap projek wakaf yang terpilih setelah ditolak yuran-yuran yang terlibat.

Yuran yang terlibat adalah seperti berikut:

Yuran Pentadbiran	6.5% daripada pengagihan pendapatan/bonus dana wakaf (sekiranya ada)
Yuran Mutawalli	5.0% daripada pengagihan pendapatan/bonus dana wakaf (sekiranya ada)
Yuran Perkhidmatan	RM15 setahun bagi setiap pewakaf yang akan ditolak daripada jumlah pengagihan pendapatan (dana manfaat) yang terkumpul

Yuran-yuran ini hanya akan dikenakan ke atas hasil daripada pengagihan pendapatan unit yang diwakafkan dan bakinya akan diagihkan kepada projek-projek wakaf yang diluluskan. Tiada yuran yang akan diambil daripada unit amanah 'prinsipal' yang diwakafkan.

Yuran tahunan yang minimum ini bertujuan untuk menampung kos operasi dan pentadbiran AWKB dalam mentadbir urus Wakaf ASNB bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik dan cekap kepada para pewakaf.



## Pengurusan Agihan Dana Manfaat Wakaf ASNB

AWSB telah menyediakan satu rangka kerja sebagai garis panduan bagi pemilihan projek wakaf atau penerima sumbangan dana manfaat yang bersesuaian untuk dimanfaatkan secara optimum.

Terdapat 6 proses utama kitaran pengagihan dana manfaat wakaf yang diadaptasi oleh AWSB dalam melaksanakan agihan dana manfaat wakaf.



Proses pertama adalah peringkat permohonan sumbangan di mana pemohon menyatakan tujuan, dan objektif permohonan. Setiap permohonan sumbangan dana manfaat wakaf hendaklah dilaksanakan melalui borang permohonan yang lengkap. Pada masa yang sama, AWSB atau cawangan ASNB juga boleh mencadangkan individu, organisasi atau entiti yang disenarai pendek sebagai penerima dana manfaat wakaf.

Kedua, semua permohonan dan cadangan sumbangan dana manfaat wakaf dinilai menerusi saringan ketekunan wajar dari segi pematuhan dan/atau operasi sebelum ianya dibenteng untuk kelulusan kepada kumpulan agihan terlibat bagi mengenalpasti projek dan pengurus projek yang berkelayakan menguruskan sumbangan dana manfaat wakaf.

Ketiga, gabungan kedua saringan ketekunan wajar pematuhan atau operasi ini, akan menghasilkan satu keputusan sama ada permohonan tersebut boleh dicadang, ditimbang dan ditolak untuk dibenteng kepada ahli Lembaga Pengarah AWSB dan Jawatankuasa Pengagihan Wakaf Bersama ASNB-MAIWP. Kaedah penentuan pemilihan agihan manfaat wakaf turut mengambil kira beberapa faktor seperti berikut:

Perkara	Keterangan
Fokus Projek	Tumpuan kepada projek yang dilaksanakan dalam negara dan keutamaan kepada warga Malaysia terlebih dahulu sebelum agihan kepada luar negara/bukan warganegara.
Penggunaan & Pengekalan Manfaat	Penggunaan dan pengekalan manfaat boleh diguna serta merta tanpa perlu ditunggu atau ditahan penggunaannya serta boleh dikekalkan dalam tempoh 3-5 tahun.
Kos	Kos keseluruhan projek mengambilkira jumlah peruntukan dana manfaat wakaf yang terjana daripada dana wakaf bagi suku tahunan tersebut.
Anggaran Penerima Manfaat	Boleh memberi manfaat kepada ramai penerima (contoh: melebihi 100 orang) bagi memaksimumkan capaian dana manfaat wakaf dan boleh digunajana oleh masyarakat setempat.
Risiko Pelaksanaan dan Kesesuaian Projek	Keutamaan bagi projek yang berisiko rendah dan menepati keperluan komuniti di kawasan tersebut.

Keempat, sumbangan dana manfaat wakaf boleh disalurkan dalam bentuk sumbangan wang ringgit, melalui pindahan akaun bank, atau penyaluran barangan/perkhidmatan atau apa-apa kaedah yang difikirkan sesuai oleh AWSB.

Kelima, setelah pembayaran atau penyerahan dana manfaat wakaf dilaksanakan, pengurus projek wakaf haruslah melaporkan setiap tadbir urus, hasil dan kemajuan projek kepada pihak AWSB secara berkala dan apabila dimohon oleh pihak AWSB seperti mana yang dipersetujui bagi tujuan pelaporan dalam laporan tahunan Wakaf ASNB.

Langkah terakhir iaitu penilaian akan dilaksanakan bagi memantau pelaksanaan projek dan prestasi pengurus projek dari semasa ke semasa.


AWSB amat menitikberatkan integriti dan ketelusan dalam pemilihan penerima sumbangan atau projek wakaf bagi memastikan manfaat wakaf diberikan kepada golongan yang memerlukan dan memberi kebaikan serta manfaat kepada pelbagai jenis golongan masyarakat. Ini adalah selaras dengan amanah yang diberikan oleh para pewakaf ASNB bagi memastikan manfaat wakaf yang terjana daripada sumbangan wakaf unit amanah mereka dilaksanakan dengan efektif dan dapat memberi impak yang besar kepada masyarakat.



## Laporan Agihan Dana Manfaat Wakaf ASNB 2023


Jumlah agihan pada tahun 2023 adalah sebanyak RM598,517 berbanding RM73,365 bagi tempoh 25 Oktober 2021 sehingga 31 Disember 2022. Pertumbuhan agihan sebanyak 716% adalah disebabkan peningkatan jumlah dana wakaf sepanjang tahun 2023 dan juga disumbangkan oleh pengagihan pendapatan/bonus daripada dana wakaf unit amanah ASB pada penghujung tahun 2022 yang diagihkan pada suku pertama tahun 2023.

### AGIHAN DANA MANFAAT WAKAF



Agihan dana manfaat wakaf dilaksanakan kepada 4 sektor iaitu sektor Kesihatan, Pendidikan, Pemeraksanaan Komuniti dan Misi Kemanusiaan.

### AGIHAN PROJEK WAKAF MENGIKUT SEKTOR



Sektor	Peratusan	Bilangan Penerima	Amaun Sumbangan (RM)
Kesihatan	58%	3 entiti 24 komuniti	350,400
Pendidikan	22%	56 entiti 11 komuniti	130,682
Pemeriksaan Komuniti	16%	8 entiti 30 komuniti	95,435
Misi Kemanusiaan	4%	200 komuniti	22,000
<b>JUMLAH</b>	<b>100%</b>	<b>332</b>	<b>598,517</b>

Pemilihan projek wakaf adalah berdasarkan usaha proaktif AWSB dan juga kerjasama daripada cawangan-cawangan ASNB untuk mencadangkan penerima manfaat wakaf seperti sekolah, masjid, hospital atau komuniti setempat yang memerlukan sumbangan dalam bentuk peralatan dan kelengkapan harian.

Selain itu, pemilihan projek wakaf juga adalah berdasarkan permohonan daripada organisasi atau entiti seperti NGO, rumah kebajikan, hospital dan sebagainya, yang akan disaring berdasarkan keperluan maqasid syariah.

## Kategori Penerima Dana Manfaat Wakaf




# Negeri Agihan Dana Manfaat Wakaf

Pengagihan dana manfaat wakaf mengikut negeri di Malaysia telah menjadi titik tumpuan bagi memastikan sumbangan wakaf disalurkan secara merata dan berkesan kepada masyarakat yang memerlukan. AWSB berusaha untuk memastikan setiap negeri di Malaysia mendapat manfaat daripada sumbangan para pewakaf yang terdiri daripada pemegang unit ASNB di seluruh Malaysia. Agihan ini adalah hasil usaha berterusan dalam menguruskan perkhidmatan Wakaf ASNB dengan teliti dan berkesan bagi memastikan manfaat dapat diberikan kepada para penerima terutama daripada golongan yang memerlukan.

Berikut merupakan perincian penerima dana manfaat wakaf ASNB bagi setiap negeri mengikut bilangan entiti untuk tahun 2023:

## Negeri dan Bilangan Entiti Agihan Dana Manfaat Wakaf





# Maklumat Agihan Dana Manfaat Wakaf ASNB

## Sektor Kesihatan

Sebanyak 58% atau RM350,400 daripada jumlah bersih dana manfaat wakaf telah diagihkan dan memanfaatkan klinik, hospital serta rumah kebajikan.

Kebanyakan sumbangan yang diberikan adalah peralatan gunasama yang diperlukan dikawasan gunasama tersebut untuk dimanfaatkan dalam jangka masa yang panjang dan sederhana seperti pembekalan alatan perubatan dan juga penajaan kos rawatan dan perubatan.

Berikut merupakan senarai penerima agihan manfaat daripada sektor Kesihatan:

Bil	Penerima Agihan	Negeri Agihan	Jenis Sumbangan
1	<ul style="list-style-type: none"><li>Hospital Al-Sultan Abdullah, Universiti Teknologi MARA, Puncak Alam, Selangor</li></ul>	Selangor	Pembiayaan satu (1) mesin Luminex Labscan 3D/ IS 200 (Mesin untuk pengkelasan tisu HLA bagi tujuan transplantasi organ dan tisu)
2	<ul style="list-style-type: none"><li>Hospis Malaysia, Cheras, Wilayah Persekutuan</li></ul>	Wilayah Persekutuan	Pembekalan perubatan
3	<ul style="list-style-type: none"><li>Yayasan AIDS Malaysia, Sentul, Wilayah Persekutuan</li></ul>	Wilayah Persekutuan	Pembekalan 24 unit ubat '2 Line ARV-HIV Medicine Assistance Medication'
4	<ul style="list-style-type: none"><li>Yayasan Institut Jantung Negara, Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan</li></ul>	Wilayah Persekutuan	Bantuan kos rawatan pembedahan dan rawatan perubatan

**Jumlah Agihan: RM350,400**

## Pembiayaan Mesin Perubatan Luminex Labscan 3D/IS 200



*Penyerahan sumbangan pembiayaan mesin Luminex Labscan 3D/IS 200 kepada Hospital Al-Sultan Abdullah, Universiti Teknologi MARA, Selangor.*

Pembiayaan mesin Perubatan Luminex Labscan 3D/IS 200 adalah hasil daripada kolaborasi sumbangan dana wakaf dan dana zakat korporat PNB kepada Hospital Al-Sultan Abdullah, Universiti Teknologi MARA. Kos berjumlah RM570,000 dibiayai 50% daripada dana wakaf dan 50% daripada dana zakat. Mesin ini digunakan untuk pengkelasan tisu HLA bagi tujuan transplantasi organ dan tisu seperti buah pinggang, jantung dan sum-sum tulang. Pengkelasan tisu HLA akan menentukan tahap kesepadanan antara penderma dan pesakit, sebelum pembedahan dilakukan. Ia juga membantu mempercepatkan proses rawatan pesakit buah pinggang yang dianggarkan berjumlah kira-kira 25,000 orang dan sedang menunggu menjalani pembedahan pemindahan ketika ini.

## Bantuan kos rawatan pembedahan dan perubatan kepada Yayasan Institut Jantung Negara (IJN)



*Penyerahan sumbangan kepada Yayasan Institut Jantung Negara, Kuala Lumpur*

Sumbangan sebanyak RM15,000 telah diagihkan kepada Yayasan Institut Jantung Negara (IJN) Kuala Lumpur yang akan memanfaatkan seramai 352 pesakit jantung yang kurang berkemampuan untuk membiayai kos rawatan pembedahan dan rawatan perubatan. Melalui sumbangan ini, beban kewangan pesakit dan keluarga pesakit yang kurang berkemampuan dapat diringankan semasa mereka menerima rawatan di IJN.

## Sektor Pendidikan

- Sebanyak 22% atau RM130,682 daripada jumlah bersih dana manfaat wakaf telah diagih dan memanfaatkan sekolah, maahad tahfiz serta universiti.
- Di antara sumbangan yang diberikan di dalam sektor pendidikan adalah pembekalan alatan pembelajaran serta biasiswa kepada pelajar-pelajar yang memerlukan bantuan kewangan.
- Berikut merupakan senarai penerima agihan manfaat daripada sektor Pendidikan:

Bil	Penerima Agihan	Negeri Agihan	Jenis Sumbangan
1	• Yayasan Universiti Multimedia, Cyberjaya, Selangor	Selangor	Menaiktaraf dewan kuliah dengan kelengkapan dan teknologi canggih
2	• 11 pelajar Universiti Tenaga Nasional Berhad (UNITEN), Bangi	Selangor	Tajaan yuran pengajian program Pensijilan Tahfiz Al Quran JAKIM-UNITEN untuk 1 semester
3	• SK Inderasabah, Tawau, Sabah • SMK Dato Mohd Taha, Gemenech, Negeri Sembilan	Sabah Negeri Sembilan	Papan putih interaktif

Bil	Penerima Agihan	Negeri Agihan	Jenis Sumbangan
4	<ul style="list-style-type: none"> <li>SMK Agama Sultan Muhammad, Batu Berendam, Melaka</li> <li>SMK Ghafar Baba, Masjid Tanah, Melaka</li> </ul>	Melaka	Bahan ilmiah
5	<ul style="list-style-type: none"> <li>SMK Sultan Ismail 2, Kemaman, Terengganu</li> <li>SMK Chalok, Setiu, Terengganu</li> <li>SMK Seremban Jaya 2, Seremban, Negeri Sembilan</li> <li>SMK Tunku Syed Idrus, Tampin, Negeri Sembilan</li> </ul>	Terengganu Negeri Sembilan	Komputer riba
6	<ul style="list-style-type: none"> <li>Madrasah Tahfiz Al Quran Al Hamidiyah Lil Banat, Batu Pahat, Johor</li> </ul>	Johor	6 unit katil dua tingkat beserta tilam 3 unit kipas berdiri
7	<ul style="list-style-type: none"> <li>SMK Kuala Besut, Besut, Terengganu</li> <li>SK Bukit Gasing, Marang, Terengganu</li> </ul>	Terengganu	Peralatan sukan
8	<ul style="list-style-type: none"> <li>15 sekolah di sekitar negeri Melaka</li> <li>25 sekolah di sekitar negeri Sabah</li> </ul>	Melaka Sabah	Kit pertolongan cemas
9	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sekolah Rendah Islam Alor Setar, Alor Setar, Kedah</li> </ul>	Kedah	Mesin Penapis Air
10	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas, Pasir Mas, Kelantan</li> <li>Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Taiping, Perak</li> </ul>	Kelantan Perak	Set tanaman hidroponik serta biji benih
11	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Kelantan, Pasir Mas, Kelantan</li> </ul>	Kelantan	Set alatan pertukangan Mesin Jahit

**Jumlah Agihan: RM130,682**

## Pembiayaan Menaiktaraf Dewan Kuliah



*Penyerahan rasmi sumbangan menaiktaraf 5 dewan kuliah Hyflex di Yayasan Universiti Multimedia, Selangor*

Sumbangan manfaat wakaf sebanyak RM50,000 untuk menaiktaraf 5 dewan kuliah Hyflex dengan kelengkapan dan teknologi canggih untuk sesi kuliah interaktif secara hibrid adalah berdasarkan keperluan semasa pelajar-pelajar untuk mengikuti pengajian dengan lebih berkesan, kondusif dan lebih fleksibel. Dijangkakan sumbangan ini dapat diguna dan memanfaatkan pelajar-pelajar untuk jangka masa beberapa tahun.

## Tajaan Yuran Pengajian Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-UNITEN



*Penyerahan rasmi oleh Dr Hj Razali Othman kepada Pengurus Tabung Amanah Zakat UNITEN , di UNITEN, Kajang.*

Dengan jumlah sumbangan sebanyak RM22,000, seramai 11 pelajar yang telah mengikuti program pensijilan tahfiz Al-Quran telah ditaja bagi menampung yuran pengajian program tersebut untuk satu semester. Program ini adalah khusus bagi membangunkan sektor pendidikan berteras campuran akademik dan hafazan Al-Quran. Sumbangan yang diberikan dapat meringankan beban para pelajar untuk melanjutkan pelajaran tinggi dalam bidang akademik dan pada masa yang sama turut dapat dilatih menjadi hufaz profesional.

## Sektor Pemerksaan Komuniti

Sebanyak 16% atau RM95,435 daripada jumlah bersih dana manfaat wakaf telah diperuntukan dan memanfaatkan golongan-golongan yang memerlukan seperti Orang Kurang Upaya (OKU), warga emas, serta ibu tunggal.

Sumbangan yang diberikan adalah berasaskan peralatan yang diperlukan oleh golongan tersebut bagi membantu menaiktaraf kemahiran dan seterusnya memperkasakan ekonomi dan taraf hidup mereka dalam jangka masa panjang.

Berikut merupakan senarai penerima agihan manfaat daripada sektor Pemerksaan Komuniti:

Bil	Penerima Agihan	Negeri Agihan	Jenis Sumbangan
1	<ul style="list-style-type: none"><li>Association of Islamic Banking and Financial Institutions Malaysia (AIBIM) melalui program MyWakaf</li></ul>	Perlis	Pembekalan "Solar Dome Dryer" bagi menggantikan kaedah tradisional dalam pengeringan ikan masin/ hasil tanaman melalui penggunaan tenaga solar
2	<ul style="list-style-type: none"><li>Taman Sinar Harapan Kuala Kubu Bharu, Selangor</li></ul>	Selangor	Alatan Bantuan Sokongan Kesihatan tilam berserta katil
3	<ul style="list-style-type: none"><li>Surau An-Nur (Kampung Muhibbah), Kapit, Sarawak</li><li>Masjid Nurul Huda (Kampung Melayu Lubok Antu), Sri Aman, Sarawak</li><li>Masjid Felda Trolak Selatan, Sungkai, Perak</li><li>Masjid At Taufiqiah, Kuala Gula, Perak</li></ul>	Sarawak  Perak	Set Kelengkapan Jenazah
4	<ul style="list-style-type: none"><li>Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti Kemuning, Seremban</li></ul>	Negeri Sembilan	Mesin Penapis Air
5	<ul style="list-style-type: none"><li>Taman Sinar Harapan Ziyad Zolkefli, Cheras, Wilayah Persekutuan</li></ul>	Wilayah Persekutuan	Alatan Pembelajaran Masakan & Elektronik
6	<ul style="list-style-type: none"><li>Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim Al Ihsan Daerah Lipis, Lipis, Pahang</li></ul>	Pahang	10 unit almari besi loker

**Jumlah Agihan: RM95,435**

## Sumbangan Alatan Pembelajaran Masakan dan Peralatan Elektronik



*Penyerahan rasmi sumbangan kepada Taman Sinar Harapan Zolkefli Cheras, Wilayah Persekutuan*

Taman Sinar Harapan Ziyad Zolkefli Cheras, Kuala Lumpur, institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan perkhidmatan penjagaan, perlindungan dan pemulihan kepada Orang Kurang Upaya (OKU) bagi kategori Masalah Pembelajaran. Mereka telah menerima sumbangan sebanyak RM4,385 dalam bentuk peralatan masakan dan peralatan elektronik untuk diguna pakai dalam pembelajaran seharian. Peralatan-peralatan seperti mesin pengadun, mesin pengisar, seterika wap, penyedut habuk dan dapur masak ('stand cooker') akan digunakan untuk tujuan pembelajaran bagi pelajar-pelajar untuk meningkatkan kemahiran diri dalam bidang masakan, seni gubahan, pertukangan, jahitan, fisioterapi dan sebagainya.

## Wakaf 'Solar Dome Dryer' untuk pengeringan ikan masin dan hasil tanaman



*Wakaf 'Solar Dome Dryer' untuk komuniti nelayan dan petani di Perlis.*

Pembiayaan bagi pembinaan Kubah Pengering Solar atau 'Solar Dome Dryer' untuk komuniti nelayan dan petani di Kampung Seberang Alor, Kuala Perlis, dilaksanakan dengan usaha sama rakan strategik iaitu Association of Islamic Banking and Financial Institutions Malaysia (AIBIM) melalui MyWakaf dengan kerjasama Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Perlis (MAIPs). Sejumlah RM48,000 disumbangkan bagi menggantikan kaedah tradisional dalam proses pengeringan ikan masin atau hasil tanaman menggunakan tenaga solar. Projek ini membolehkan para nelayan dan petani mengeringkan produk seperti ikan dan buah-buahan seterusnya menghasilkan produk yang lebih berkualiti dan bersih selain dapat meningkatkan kadar pengeluaran produk untuk dipasarkan. Projek ini mampu memperkasakan komuniti setempat dengan penawaran peluang pekerjaan, meningkatkan produktiviti dan mendukung agenda keterjaminan makanan.

## Sektor Misi Kemanusiaan

Sebanyak 4% atau RM22,000 daripada jumlah bersih dana manfaat wakaf telah diperuntukan dan memanfaatkan golongan yang memerlukan seperti ibu bapa tunggal, keluarga B40, warga tua, anak-anak yatim, gelandangan, muafak, asnaf dan fakir miskin.

Sumbangan yang diberikan adalah dalam bentuk kit makanan asas bagi membantu meringankan beban kos kehidupan harian golongan tersebut.

Berikut merupakan senarai penerima agihan manfaat daripada sektor Misi Kemanusiaan:

Bil	Penerima Agihan	Negeri Agihan	Jenis Sumbangan
1	<ul style="list-style-type: none"><li>• 95 komuniti di sekitar Selangor</li><li>• 50 komuniti di sekitar Kelantan</li><li>• 50 komuniti di sekitar Kedah</li><li>• 5 komuniti di sekitar Wilayah Persekutuan</li></ul>	Selangor Kelantan Kedah Wilayah Persekutuan	Pembekalan makanan asas

**Jumlah Agihan: RM22,000**

### “Box of Happiness” kepada Yayasan Kebajikan Muslim (MyFund Action)



*Penyerahan kotak makanan asas kepada penerima di Selangor, Kelantan, Kedah dan Kuala Lumpur.*

Pembekalan 200 kotak makanan asas yang bernilai RM110 sekotak meliputi beras, minyak masak, gula, tepung, garam, susu pekat, sos cili, kicap, bihun, sardin, paket makanan segera telah diberikan kepada ibu bapa tunggal, keluarga B40, warga tua, anak-anak yatim, gelandangan, muafak, asnaf dan fakir miskin sebagai misi bantuan makanan bagi masyarakat sekitar melalui program “Box of Happiness” yang dikelola oleh Yayasan Kebajikan Muslim (MyFund Action). Sumbangan bernilai RM22,000 dalam bentuk kit makanan asas ini telah diberikan kepada penerima yang dikenalpasti di sekitar Selangor, Kelantan, Kedah dan Kuala Lumpur.

## Senarai Penerima Agihan Dana Manfaat Wakaf ASNB 2023 Mengikut Jenis Agihan

Bil	Jenis Agihan	Penerima
1	Pembiayaan satu (1) mesin Luminex Labscan 3D/ IS 200 (Mesin untuk pengelasan tisu HLA bagi tujuan transplantasi organ dan tisu)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Hospital Al-Sultan Abdullah, Universiti Teknologi Mara, Puncak Alam, Selangor</li> </ul>
2	Pembekalan perubatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Hospis Malaysia, Cheras, Wilayah Persekutuan</li> </ul>
3	Pembekalan 24 unit ubat '2 Line ARV-HIV Medicine Assistance	<ul style="list-style-type: none"> <li>Yayasan AIDS Malaysia, Sentul, Wilayah Persekutuan</li> </ul>
4	Bantuan kos rawatan pembedahan dan rawatan perubatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Yayasan Institut Jantung Negara, Wilayah Persekutuan</li> </ul>
5	Menaiktaraf dewan kuliah dengan kelengkapan dan teknologi canggih	<ul style="list-style-type: none"> <li>Yayasan Universiti Multimedia, Cyberjaya, Selangor</li> </ul>
6	Tajaan yuran pengajian program Pensijilan Tahfiz Al Quran JAKIM-UNITEN untuk 1 semester	<ul style="list-style-type: none"> <li>11 pelajar Universiti Tenaga Nasional Berhad (UNITEN), Bangi, Selangor</li> </ul>
7	Papan putih interaktif	<ul style="list-style-type: none"> <li>SK Inderasabah, Tawau, Sabah</li> <li>SMK Dato Mohd Taha, Gemenceh, Negeri Sembilan</li> </ul>
8	Bahan ilmiah	<ul style="list-style-type: none"> <li>SMK Ghafar Baba, Masjid Tanah, Melaka</li> <li>SMK Agama Sultan Muhammad, Batu Berendam, Melaka</li> </ul>
9	Komputer riba	<ul style="list-style-type: none"> <li>SMK Sultan Ismail 2, Kemaman, Terengganu</li> <li>SMK Chalok, Setiu, Terengganu</li> <li>SMK Seremban Jaya 2, Seremban, Negeri Sembilan</li> <li>SMK Tunku Syed Idrus, Tampin, Negeri Sembilan</li> </ul>
10	6 unit katil dua tingkat beserta tilam 3 unit kipas berdiri	<ul style="list-style-type: none"> <li>Madrasah Tahfiz Al Quran Al Hamidiyah Lil Banat, Batu Pahat, Johor</li> </ul>
11	Peralatan sukan	<ul style="list-style-type: none"> <li>SMK Kuala Besut, Kuala Besut, Terengganu</li> <li>SK Bukit Gasing, Marang, Terengganu</li> </ul>
12	Kit pertolongan cemas	<ul style="list-style-type: none"> <li>15 sekolah di sekitar negeri Melaka</li> <li>25 sekolah di sekitar negeri Sabah</li> </ul>



<b>Bil</b>	<b>Penerima Agihan</b>	<b>Penerima</b>
13	Mesin penapis air	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sekolah Rendah Islam, Alor Setar, Kedah</li> </ul>
14	Set tanaman hidroponik serta biji benih	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas, Pasir Mas, Kelantan</li> <li>• Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Taiping, Perak</li> </ul>
15	Set alatan pertukangan Mesin jahit	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas, Pasir Mas, Kelantan</li> </ul>
16	Pembekalan “Solar Dome Dryer” bagi menggantikan kaedah tradisional dalam pengeringan ikan masin/ hasil tanaman menggunakan tenaga solar	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Association of Islamic Banking and Financial Institutions Malaysia (AIBIM) melalui program MyWakaf</li> </ul>
17	Alatan bantuan sokongan kesihatan tilam berserta katil	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Taman Sinar Harapan Kuala Kubu Bharu, Selangor</li> </ul>
18	Set kelengkapan jenazah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Surau An-Nur (Kampung Muhibbah), Kapit, Sarawak</li> <li>• Masjid Nurul Huda (Kampung Melayu Lubok Antu), Sri Aman, Sarawak</li> <li>• Masjid Felda Trolak Selatan, Perak</li> <li>• Masjid At Taufiqiah Kuala Gua, Perak</li> </ul>
19	Mesin penapis air	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pertubuhan Pemulihan dalam Komuniti Kemuning, Seremban</li> </ul>
20	Alatan pembelajaran masakan & peralatan elektronik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Taman Sinar Harapan Ziyad Zolkefli, Cheras, Wilayah Persekutuan</li> </ul>
21	10 unit almari besi loker	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pertubuhan Kebajikan Anak- Anak Yatim Al Ihsan Daerah Lipis, Pahang</li> </ul>
22	Pembekalan makanan asas	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 95 komuniti di sekitar Selangor</li> <li>• 50 komuniti di sekitar Kelantan</li> <li>• 50 komuniti di sekitar Kedah</li> <li>• 5 komuniti di sekitar Wilayah Persekutuan</li> </ul>

## Aktiviti Agihan Dana Manfaat Wakaf ASNB 2023

1

Jabatan Agama Islam  
Negeri Perak



2

Jabatan Agama Islam  
Negeri Sarawak



3

Jabatan Pendidikan  
Negeri Melaka



4

Jabatan Pendidikan  
Negeri Sembilan



**5** Jabatan Pendidikan Sabah



**6** Jabatan Pendidikan Terengganu



**7** Hospis Malaysia



**8** Yayasan Universiti Multimedia



**9** MyFundAction



**10** Taman Sinar Harapan  
Kuala Kubu Bharu



**11** Taman Sinar Harapan  
Ziyad Zolkefli Cheras



**12** AIBIM (MyWakaf)



**13** Yayasan Institut Jantung Negara



**14** Madrasah Tahfiz Al Quran Al Hamidiyah Lil Banat



**15** Malaysia Aids Foundation



**16** Pusat Pemulihan Dalam Komuniti Kemuning



**17** Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim Islam Al-Ihsan Daerah Lipis



**18** Sekolah Rendah Islam Alor Setar



**19** Universiti Tenaga Nasional



**20** Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Kelantan



21

Sekolah Kebangsaan  
Pendidikan Khas Taiping



Sedikit atau banyak bukanlah ukurannya, yang penting redha ALLAH.  
Semoga wakaf kita menjadi amal jariah yang berpanjangan manfaatnya dan mendapat redha ALLAH.

# PENYATA PENGURUS DAN PENYATA KEWANGAN BERAUDIT BAGI DANA MANFAAT WAKAF ASNB

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2023





## **DANA MANFAAT WAKAF ASNB**

### **KANDUNGAN**

### **MUKA SURAT**

PENYATA PENGURUS	1
PENGAKUAN BERKANUN	1
LAPORAN JURUAUDIT BEBAS	2 - 5
PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF	6
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN	7
PENYATA PERUBAHAN DALAM DANA	8
PENYATA ALIRAN TUNAI	9
NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN	10 - 25

## DANA MANFAAT WAKAF ASNB


### PENYATA PENGURUS

Kepada Pemegang Amanah dan pewakaf-pewakaf

### WAKAF ASNB

Kami, sebagai Pengarah kepada ASNB WAKALAH SDN. BHD., iaitu Pengurus kepada DANA MANFAAT WAKAF ASNB ("Dana") dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, penyata kewangan bagi Dana bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023, berserta dengan nota-nota yang dibentangkan pada muka surat 6 hingga 25 disediakan mengikut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia dan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa, bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Dana pada 31 Disember 2023, dan keputusan serta aliran tunai bagi tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak ASNB WAKALAH SDN. BHD. selaku Pengurus kepada DANA MANFAAT WAKAF ASNB, menurut resolusi para Pengarah bertarikh 22 Februari 2024.



Datuk Dr. Mohamad Akram bin Laldin



En. Muzzaffar bin Othman

### PENGAKUAN BERKANUN

Saya, Mohd Irwan bin Ahmad Mustafa @ Mustafa, sebagai Pegawai yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan Dana Manfaat Wakaf ASNB, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya mengisytiharkan bahawa penyata kewangan yang dibentangkan pada muka surat 6 hingga 25 pada pengetahuan dan kepercayaan terbaik saya adalah betul, dan saya membuat pengakuan ini dengan sesungguhnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan mematuhi peruntukan Akta Akaun Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diisytiharkan sesungguhnya oleh penama di atas Mohd Irwan bin Ahmad Mustafa @ Mustafa di Kuala Lumpur di Wilayah Persukatan pada 22 Februari 2024

Di hadapan saya,



Mohd Irwan bin Ahmad Mustafa @ Mustafa

AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD,  
CAWANGAN KUALA LUMPUR,  
UG BALAI, BALAI PNB,  
201-A, JALAN TUN RAZAK,  
50400 KUALA LUMPUR, WP.

## Laporan juruaudit bebas kepada Pemegang Amanah dan pewakaf-pewakaf DANA MANFAAT WAKAF ASNB

### Laporan mengenai audit penyata kewangan

#### *Pendapat*

Kami telah mengaudit penyata kewangan DANA MANFAAT WAKAF ASNB ("Dana"), yang merangkumi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2023, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam dana dan penyata aliran tunai bagi tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut, serta nota-nota kepada penyata kewangan, termasuk maklumat dasar perakaunan material, seperti yang dibentangkan di muka surat 6 hingga 25.

Pada pendapat kami, penyata kewangan Dana memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Dana pada 31 Disember 2023, dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia ("MFRS") dan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS").

#### *Asas bagi pendapat*

Kami telah melaksanakan audit kami berdasarkan Piawaian Audit yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Audit Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut dihuraikan dengan lebih lanjut dalam bahagian "*Tanggungjawab juruaudit terhadap pengauditan penyata kewangan*" dalam laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

#### *Kebebasan dan lain-lain tanggungjawab etika*

Kami bebas daripada Dana selaras dengan Undang-Undang Kecil (ke atas Etika, Kelakuan dan Amalan Profesional) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Kod Etika Antarabangsa untuk Akauntan Profesional (termasuk Piawaian Kebebasan Antarabangsa) ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab yang lain selaras dengan Undang-Undang Kecil dan Kod IESBA.

#### *Maklumat selain daripada penyata kewangan dan laporan juruaudit*

Pengurus Dana adalah bertanggungjawab ke atas maklumat lain. Maklumat lain tersebut merangkumi maklumat yang terkandung dalam Laporan Tahunan Wakaf ASNB tetapi tidak termasuk penyata kewangan Dana serta laporan juruaudit yang dilampirkan.

Laporan tahunan ini dijangka tersedia kepada kami selepas tarikh laporan juruaudit ini.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan Dana tidak merangkumi maklumat lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan berkenaannya.

## Laporan juruaudit bebas kepada Pemegang Amanah dan pewakaf-pewakaf DANA MANFAAT WAKAF ASNB (SAMB.)

*Maklumat selain daripada penyata kewangan dan laporan juruaudit (samb.)*

Sehubungan dengan pengauditan kami ke atas penyata kewangan Dana, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat lain dan dengan bertindak sebegitu, mempertimbangkan sama ada maklumat lain tersebut adalah tidak konsisten secara material dengan penyata kewangan Dana atau maklumat dalam pengetahuan kami dalam audit ini atau sebaliknya kelihatan tersalah nyata secara material.

Sekiranya, berdasarkan kerja yang telah kami laksanakan ke atas maklumat lain, kami menyimpulkan bahawa terdapat salah nyata yang material dalam maklumat lain ini, kami wajib melaporkan fakta tersebut. Sehubungan itu, selain daripada fakta-fakta yang dinyatakan dalam asas kepada pendapat bertentangan, kami tidak mempunyai sebarang maklumat untuk dilaporkan.

*Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Amanah ke atas penyata kewangan*

Pengurus Dana bertanggungjawab ke atas penyediaan penyata kewangan agar memberi gambaran yang benar dan saksama berdasarkan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia ("MFRS") dan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS"). Pengurus juga bertanggungjawab ke atas kawalan dalaman tertentu memandangkan penentuan Pengurus adalah perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Dana dapat dilakukan secara bebas daripada salah nyata material, sama ada disebabkan penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Dana, Pengurus bertanggungjawab untuk mentaksir keupayaan Dana sebagai usaha berterusan, mendedahkan, hal-hal berkenaan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan ini kecuali jika Pengurus bercadang untuk membubarkan Dana atau memberhentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain daripada berbuat demikian.

Pemegang Amanah bertanggungjawab untuk mengawasi proses pelaporan kewangan Dana. Pemegang Amanah juga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Pengurus menyimpan perakaunan yang betul dan rekod lain yang diperlukan untuk membolehkan penyampaian penyata kewangan ini benar dan saksama.

*Tanggungjawab juruaudit terhadap pengauditan penyata kewangan*

Objektif kami adalah untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Dana secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan munasabah ialah jaminan tahap tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan menurut Piawaian Audit yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Audit Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata material apabila ia wujud. Salah nyata boleh berlaku disebabkan penipuan atau kesilapan dan dianggap material jika, secara berindividu atau beragregat, dapat dijangka mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna yang dibuat berdasarkan penyata kewangan ini.

**Laporan juruaudit bebas kepada Pemegang Amanah dan pewakaf-pewakaf  
DANA MANFAAT WAKAF ASNB (SAMB.)**

*Tanggungjawab juruaudit terhadap pengauditan penyata kewangan (samb.)*

Sebagai sebahagian daripada audit ini selaras dengan Piawaian Audit yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Audit Antarabangsa, kami menggunakan penilaian profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Kami juga:

- Mengenal pasti dan mentaksir risiko salah nyata yang material dalam penyata kewangan Dana, sama ada disebabkan penipuan atau kesilapan, merancang dan melaksanakan prosedur audit yang responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang material akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi berbanding dengan salah nyata akibat kesilapan memandangkan penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian mengikut keadaan, tetapi bukan untuk tujuan menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Dana.
- Menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitannya yang dibuat oleh Pengurus.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas perakaunan usaha berterusan Pengurus ke atas bukti audit yang diperolehi, sama ada wujud ketidakpastian yang material berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan besar ke atas keupayaan Dana untuk terus menjadi usaha berterusan. Jika kami menyimpulkan bahawa ketidakpastian yang material wujud, kami dikehendaki untuk menumpu perhatian dalam laporan juruaudit kami di bahagian pendedahan berkaitan dalam penyata kewangan Dana atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan yang akan berlaku pada masa hadapan boleh menyebabkan Dana berhenti beroperasi secara usaha berterusan.
- Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan Dana, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan Dana mewakili urus niaga dan peristiwa tersirat dalam cara yang memberi pandangan sebagai satu pembentangan yang benar.

Kami berkomunikasi dengan Pengurus mengenai, antara perkara-perkara lain, skop yang dirancang dan masa untuk audit dan penemuan audit penting, termasuk sebarang kekurangan yang besar dalam kawalan dalaman yang telah dikenal pasti semasa pengauditan kami.

Laporan juruaudit bebas kepada Pemegang Amanah dan pewakaf-pewakaf  
DANA MANFAAT WAKAF ASNB (SAMB.)

Perkara lain

Laporan ini disediakan khas untuk Pemegang Amanah dan pewakaf-pewakaf Dana, sebagai sebuah badan, dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.



Ernst & Young PLT  
202006000003 (LLP0022760-LCA) & AF 0039  
Akauntan-akauntan Bertauliah



Dato' Megat Iskandar Shah Bin Mohamad Nor  
No. 03083/07/2025 J  
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia  
22 Februari 2024

## DANA MANFAAT WAKAF ASNB

### PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

		01.01.2023 sehingga 31.12.2023 RM	25.10.2021 sehingga 31.12.2022 RM
<b>PENDAPATAN</b>			
Pengagihan pendapatan daripada unit-unit amanah	4	2,043,125	754,113
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan Islamik		8,040	-
		<u>2,051,165</u>	<u>754,113</u>
<b>PERBELANJAAN</b>			
Yuran pentadbiran dan perkhidmatan	5	(348,368)	(163,062)
Yuran mutawalli	6	(102,156)	(37,706)
		<u>(450,524)</u>	<u>(200,768)</u>
<b>PENDAPATAN BERSIH SEBELUM AGIHAN</b>		1,600,641	553,345
<b>AGIHAN</b>			
Agihan wakaf – pendidikan	7	(130,682)	(28,691)
Agihan wakaf – kesihatan	8	(350,400)	(19,330)
Agihan wakaf – pemerkasaan komuniti	9	(95,435)	(7,144)
Agihan wakaf – misi kemanusiaan	10	(22,000)	(18,200)
		<u>(598,517)</u>	<u>(73,365)</u>
<b>PENDAPATAN BERSIH SELEPAS AGIHAN</b>		<u>1,002,124</u>	<u>479,980</u>
<b>UNIT-UNIT WAKAF TERKUMPUL</b>	12	<u>50,808,014</u>	<u>30,323,142</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

## DANA MANFAAT WAKAF ASNB

### PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2023

	Nota	2023 RM	2022 RM
<b>ASET</b>			
Deposit dengan institusi kewangan	13	200,142	-
Pendapatan belum terima	14	1,687,694	669,721
Tunai di bank		3,912	3,274
<b>JUMLAH ASET</b>		<b>1,891,748</b>	<b>672,995</b>
<b>LIABILITI</b>			
Jumlah terhutang kepada Pengurus	15	325,262	159,529
Jumlah terhutang kepada Pemegang Amanah	16	84,382	33,486
<b>JUMLAH LIABILITI</b>		<b>409,644</b>	<b>193,015</b>
<b>JUMLAH ASET BERSIH</b>		<b>1,482,104</b>	<b>479,980</b>
<b>DANA</b>			
Pendapatan terkumpul terdiri daripada berikut:			
Dana yang belum diagihkan	11	1,482,104	479,980
<b>JUMLAH DANA</b>		<b>1,482,104</b>	<b>479,980</b>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.



## DANA MANFAAT WAKAF ASNB

### PENYATA PERUBAHAN DALAM DANA BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	Pendapatan Terkumpul		Jumlah Dana RM
	- Telah Diagihkan RM	- Belum Diagihkan RM	
<b>Pada 25 Oktober 2021 (tarikh pelancaran)</b>	-	-	-
Jumlah pendapatan komprehensif sebelum agihan bagi tempoh kewangan	553,345	-	553,345
Agihan kepada projek-projek wakaf	(73,365)	-	(73,365)
Pindahan ke pendapatan belum diagihkan	(479,980)	479,980	-
<b>Pada 31 Disember 2022</b>	<b>-</b>	<b>479,980</b>	<b>479,980</b>
<b>Pada 1 Januari 2023</b>	-	479,980	479,980
Jumlah pendapatan komprehensif sebelum agihan bagi tahun kewangan	1,600,641	-	1,600,641
Pindahan ke pendapatan diagihkan	479,980	(479,980)	-
Agihan kepada projek-projek wakaf	(598,517)	-	(598,517)
Pindahan ke pendapatan belum diagihkan	(1,482,104)	1,482,104	-
<b>Pada 31 Disember 2023</b>	<b>-</b>	<b>1,482,104</b>	<b>1,482,104</b>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

## DANA MANFAAT WAKAF ASNB

### PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	01.01.2023 sehingga 31.12.2023 RM	25.10.2021 sehingga 31.12.2022 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI DAN PELABURAN</b>		
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan Islamik	7,985	-
Tunai didahulukan oleh Pengurus	(1,952)	1,952
Pendapatan dividen diterima	1,025,207	84,392
Pembayaran yuran pentadbiran dan perkhidmatan	(180,683)	(5,485)
Pembayaran yuran mutawalli	(51,260)	(4,220)
Pembayaran agihan kepada projek-projek wakaf	(598,517)	(73,365)
Tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti operasi dan pelaburan	<u>200,780</u>	<u>3,274</u>
<b>PENAMBAHAN BERSIH DALAM TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI</b>		
	200,780	3,274
<b>TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN KEWANGAN</b>	<u>3,274</u>	<u>-</u>
<b>TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN</b>	<u>204,054</u>	<u>3,274</u>
<b>TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:</b>		
Tunai di bank	3,912	3,274
Deposit dengan institusi kewangan (Nota 13)	200,142	-
Tunai dan persamaan tunai	<u>204,054</u>	<u>3,274</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

## **DANA MANFAAT WAKAF ASNB**

### **NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2023**

#### **1. WAKAF ASNB, PENGURUS, PEMEGANG AMANAH DAN PEWAKAF-PEWAKAF**

Perkhidmatan Wakaf ASNB dilancarkan pada 25 Oktober 2021 selaras dengan pelaksanaan Perjanjian Mutawalli bertarikh 22 September 2021, antara Pengurus, ASNB Wakalah Sdn. Bhd. ("AWSB") dan Pemegang Amanah, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan ("MAIWP") ("Perjanjian Mutawalli").

Perkhidmatan Wakaf ASNB ialah perkhidmatan bagi membolehkan unit-unit amanah yang dipegang oleh pelabur-pelabur Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB") dapat diwakafkan dan didaftarkan atas nama MAIWP sebagai pemegang amanah Wakaf ASNB. Unit-unit amanah ASNB yang diwakafkan adalah bersifat wakaf mu'abbad (kekal) dan pengagihan pendapatan dijana atas unit-unit amanah dalam pegangan selaras dengan sebarang pengagihan pendapatan tahunan unit-unit amanah yang berkenaan.

Pengagihan pendapatan bersih yang dijana daripada unit-unit amanah ASNB yang diwakafkan melalui Wakaf ASNB selepas ditolak dengan yuran-yuran yang terlibat (berikutnya dirujuk sebagai "Dana Manfaat Wakaf ASNB") disalurkan dan diagihkan kepada projek-projek wakaf serta program-program yang dikenalpasti dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pengagihan Wakaf Bersama ASNB-MAIWP ("JPWB") seperti kesihatan, pendidikan, pemerkasaan komuniti dan misi kemanusiaan.

AWSB adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh ASNB. Kegiatan utama AWSB ialah mengurus perkhidmatan Wakaf ASNB serta mengurus dan mentadbir pengagihan Dana Manfaat Wakaf ASNB kepada projek-projek wakaf yang diluluskan.

ASNB adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Permodalan Nasional Berhad ("PNB"). Kegiatan utama ASNB ialah mengurus unit amanah.

PNB ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Kegiatan utama PNB ialah membeli dan memegang saham untuk meningkatkan hak milik pegangan modal saham oleh masyarakat Bumiputera di dalam sektor korporat di Malaysia. PNB telah dilantik sebagai Pengurus Pelaburan bagi Unit Amanah bawah Perjanjian Pengurusan Pelaburan.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah AWSB untuk diterbitkan menurut resolusi para Pengarah pada 22 Februari 2024.

## **DANA MANFAAT WAKAF ASNB**

### **NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2023**

#### **2. ASAS PENYEDIAAN**

Penyata kewangan beraudit Dana Manfaat Wakaf ASNB bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023, telah disediakan selaras dengan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia ("MFRS") dan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS").

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut piawaian kos sejarah dan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM"), yang juga merupakan mata fungsian Dana.

##### **2.1 Perubahan dalam polisi perakaunan**

MFRS yang baru akan disemak semula yang tertakluk kepada syarikat dengan tahun kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2023 tidak memberi kesan signifikan kepada penyata kewangan Dana.

##### **2.2 Piawaian yang diterbitkan tetapi belum berkuatkuasa**

Piawaian, Pindaan dan Tafsiran Jawatankuasa Isu-isu ("IC") yang telah diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") tetapi belum berkuatkuasa pada tarikh kelulusan penyata kewangan ini adalah tidak dijangka memberi kesan kewangan yang material kepada penyata kewangan Dana.

#### **3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL**

##### **(a) Aset-aset kewangan**

Aset-aset kewangan adalah diiktiraf pada permulaan pengiktirafan sebagai salah satu yang berikut:

- Aset kewangan pada kos terlunas (instrumen hutang);
- Aset kewangan pada nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif ("FVTOCI"); atau
- Aset kewangan pada nilai saksama melalui akaun untung rugi ("FVTPL").

Selain daripada penghutang yang tidak mempunyai komponen pembiayaan penting, Dana mengiktiraf aset kewangan pada permulaan pengiktirafan pada nilai saksama serta kos transaksi, bagi aset kewangan bukan FVTPL. Penghutang yang tidak mempunyai komponen pembiayaan penting adalah diiktiraf pada harga transaksi.

Pembelian dan penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang telah ditetapkan oleh peraturan atau amalan pasaran adalah diiktiraf pada tarikh berdasarkan butiran kontrak.

## DANA MANFAAT WAKAF ASNB

### NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2023

#### 3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)

##### (a) Aset-aset kewangan (samb.)

###### (i) Aset kewangan pada kos terlunas (instrumen hutang)

Aset kewangan pada kos terlunas (instrumen hutang) diiktiraf seterusnya menggunakan kaedah kadar pendapatan berkesan dan adalah tertakluk kepada sebarang rosotnilai. Keuntungan dan kerugian adalah diiktiraf dalam akaun untung dan rugi apabila aset dinyakiktiraf, diubah ataupun dirosotnilai.

###### Penyahiktirafan

Dana menyahiktirafkan aset kewangan hanya apabila hak atas aliran tunai dari aset tersebut berakhir, atau apabila Dana memindah pemilikan aset kewangan dan segala risiko dan pulangan pemilikan aset tersebut kepada entiti lain.

##### (b) Liabiliti kewangan

Pengkelasan liabiliti kewangan pada pengiktirafan permulaan sebagai liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif ("FVTOCI") ataupun pada kos terlunas.

Liabiliti kewangan Dana termasuk lain-lain pemiutang diiktiraf pada mulanya pada nilai saksama ditambah kos transaksi secara langsung dan seterusnya diiktiraf pada kos lunasan menggunakan kaedah kadar pendapatan berkesan.

Keuntungan dan kerugian adalah diiktiraf dalam akaun untung dan rugi apabila liabiliti dinyakiktiraf dan melalui proses pelunasan.

###### Penyahiktirafan

Liabiliti kewangan dinyahiktirafkan hanya apabila tanggungan atau kewajipannya dilepaskan, dibatalkan atau tamat tempoh. Perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan dan jumlah yang dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahmilik atau liabiliti diambil alih, diambil kira dalam akaun untung atau rugi.

##### (c) Rosotnilai dalam aset kewangan

Kerugian kredit diiktiraf pada pengiktirafan permulaan berdasarkan model kerugian kredit dijangka ("Expected Credit Loss (ECL)") termasuk ECL dijangka pada masa hadapan. Dana mengiktiraf elaan kerugian untuk ECL pada instrumen kewangan yang tidak diukur pada FVTPL (aset kewangan yang merupakan instrumen hutang).

## **DANA MANFAAT WAKAF ASNB**

### **NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2023**

#### **3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)**

##### **(c) Rosotnilai dalam aset kewangan (samb.)**

ECL adalah berdasarkan perbezaan antara aliran tunai mengikut kontrak dan aliran tunai yang dijangka diterima oleh Dana, diskaun pada kadar asal pendapatan berkesan.

Pada setiap tarikh pelaporan, Dana akan menilai sama ada aset kewangan yang dibawa pada kos yang dilunaskan telah merosot kredit. Aset kewangan adalah 'rosot kredit' apabila satu atau lebih peristiwa yang menjejaskan anggaran aliran tunai masa depan aset kewangan telah berlaku.

Bagi instrumen hutang yang diiktiraf pada kos yang terlunas dengan tiada komponen pembiayaan penting, Dana menggunakan kaedah dipermudahkan dalam mengukur ECL iaitu elaun kerugian berdasarkan ECL jangka hayat pada setiap tarikh pelaporan.

##### **(d) Pendapatan belum terima**

Pendapatan belum terima dinyatakan pada nilai saksama yang boleh diperolehi.

##### **(e) Tunai dan persamaan tunai**

Dalam penyediaan penyata aliran tunai, tunai dan persamaan tunai adalah termasuk tunai di bank dan instrumen kecairan tinggi, yang tidak membawa risiko yang ketara kepada perubahan nilai.

##### **(f) Pelbagai pemiutang**

Pelbagai pemiutang dinyatakan pada nilai kos iaitu nilai saksama yang akan dibayar pada masa hadapan untuk perkhidmatan yang diterima.

##### **(g) Pengiktirafan pendapatan**

Pendapatan adalah diambil kira mengikut asas pengisytiharan, apabila hak untuk menerima pengagihan pendapatan telah dipastikan.

##### **(i) Pengagihan pendapatan daripada unit-unit amanah**

Dana adalah berhak mendapat sebarang pengagihan pendapatan daripada unit-unit amanah dan pendapatan diiktiraf apabila pengagihan pendapatan diumumkan bagi setiap Tabung Unit-unit Amanah yang berkenaan. Kadar pengagihan pendapatan dibentangkan pada nota 4.

## **DANA MANFAAT WAKAF ASNB**

### **NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2023**

#### **3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)**

##### **(h) Pengiktirafan lain-lain pendapatan**

###### **(i) Pendapatan keuntungan**

Keuntungan daripada deposit dengan institusi kewangan berteraskan prinsip syariah adalah diktiraf apabila hak penerimaan kepada keuntungan dapat dipastikan.

Pendapatan keuntungan diiktiraf berdasarkan asas akruan dengan menggunakan kaedah keuntungan berkesan.

###### **(i) Pengiktirafan perbelanjaan dan agihan wakaf**

Perbelanjaan yuran dan agihan wakaf diiktiraf apabila yuran dan agihan dapat dipastikan pembayarannya pada tempoh kewangan yang berkenaan.

###### **(j) Penilaian dan anggaran perakaunan yang ketara**

Penyediaan penyata kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah hasil, perbelanjaan, aset dan liabiliti dan pendedahan liabiliti luar jangka pada tarikh laporan.

Walau bagaimanapun, ketidaktentuan tentang andaian dan anggaran ini boleh menyebabkan keputusan yang mana memerlukan pelarasan ketara jumlah dibawa oleh aset atau liabiliti pada masa akan datang.

Tiada pertimbangan utama telah dibuat oleh Pengurus dalam mengguna pakai dasar-dasar perakaunan Dana. Tiada terdapat andaian utama mengenai masa depan dan lain - lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh laporan ini, yang mempunyai risiko penting yang boleh menyebabkan pelarasan penting kepada jumlah dibawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan akan datang.

## DANA MANFAAT WAKAF ASNB

### NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2023

#### 4. PENGAGIHAN PENDAPATAN DARIPADA UNIT-UNIT AMANAH

Pengagihan pendapatan daripada unit-unit amanah ASNB bagi tahun kewangan berakhir adalah seperti berikut:

	<b>01.01.2023 sehingga 31.12.2023 RM</b>	<b>25.10.2021 sehingga 31.12.2022 RM</b>
Unit-unit amanah dengan tahun berakhir 31 Mac:		
Amanah Saham Bumiputera 2 ("ASB 2")	68,769	4,938
Amanah Saham Malaysia ("ASM")	3,219	90
ASN Equity 3 ("ASN Equity 3")	169	28
ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 2 ("ASN Imbang 2")	543	141
ASN Sara (Mixed Asset Conservative) 1 ("ASN Sara 1")	1,337	352
Unit-unit amanah dengan tahun berakhir 30 Jun:		
Amanah Saham Bumiputera 3 Didik ("ASB 3 Didik")	57,449	12,943
ASN Equity 2 ("ASN Equity 2")	1,281	1,202
Unit-unit amanah dengan tahun berakhir 31 Ogos:		
Amanah Saham Malaysia 2 - Wawasan ("ASM 2 Wawasan")	107,787	34,675
Unit-unit amanah dengan tahun berakhir 30 September:		
Amanah Saham Malaysia 3 ("ASM 3")	112,700	23,124
ASN Equity 5 ("ASN Equity 5")	131	94
ASN Sara (Mixed Asset Conservative) 2 ("ASN Sara 2")	1,188	948
Unit-unit amanah dengan tahun berakhir 30 November:		
ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 1 ("ASN Imbang 1")	913	466
Unit-unit amanah dengan tahun berakhir 31 Disember:		
Amanah Saham Bumiputera ("ASB")	1,666,941	654,509
Amanah Saham Nasional ("ASN")	20,614	20,503
ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global ("ASN Imbang 3 Global")	84	100
ASN Equity Global ("ASN Equity Global")	-	-
	<u>2,043,125</u>	<u>754,113</u>



## DANA MANFAAT WAKAF ASNB

### NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2023

#### 4. PENGAGIHAN PENDAPATAN DARIPADA UNIT-UNIT AMANAH (SAMB.)

Kadar pengagihan pendapatan daripada unit-unit amanah ASNB bagi tahun kewangan berakhir adalah seperti berikut:

	Kadar pengagihan pendapatan		
	2023 sen seunit	2022 sen seunit	2021 sen seunit
Unit-unit amanah dengan tahun berakhir 31 Mac:			
ASB 2	5.00	4.30	-
ASM	4.50	4.00	-
ASN Equity 3	2.00	2.55	-
ASN Imbang 2	2.70	2.56	-
ASN Sara 1	3.43	3.00	-
Unit-unit amanah dengan tahun berakhir 30 Jun:			
ASB 3 Didik	5.00	4.25	-
ASN Equity 2	1.07	1.12	-
Unit-unit amanah dengan tahun berakhir 31 Ogos:			
ASM 2 Wawasan	4.50	3.75	-
Unit-unit amanah dengan tahun berakhir 30 September:			
ASM 3	4.50	3.75	-
ASN Equity 5	2.61	2.34	-
ASN Sara 2	3.36	2.68	-
Unit-unit amanah dengan tahun berakhir 30 November:			
ASN Imbang 1	3.21	2.71	-
Unit-unit amanah dengan tahun berakhir 31 Disember:			
ASB (termasuk dividen dan bonus)	5.25	4.60	5.00
ASN	1.75	1.66	1.60
ASN Imbang 3 Global	0.51	0.45	1.25
ASN Equity Global	-	-	-

## DANA MANFAAT WAKAF ASNB

### NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2023

#### 5. YURAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN

Klausa 6 dan Lampiran G Perjanjian Mutawalli memperuntukkan bahawa Pengurus berhak menerima yuran pentadbiran sebanyak 6.5% daripada pengagihan pendapatan (sekiranya ada) bagi setiap Tabung Unit Amanah yang diwakafkan dan yuran perkhidmatan sebanyak RM15 setahun bagi setiap pewakaf daripada Dana Manfaat Wakaf terkumpul dikira dan diakru secara bulanan.

	<b>01.01.2023</b> <b>sehingga</b> <b>31.12.2023</b> <b>RM</b>	<b>25.10.2021</b> <b>sehingga</b> <b>31.12.2022</b> <b>RM</b>
Yuran pentadbiran	132,803	49,017
Yuran perkhidmatan	215,565	114,045
	<u>348,368</u>	<u>163,062</u>

#### 6. YURAN MUTAWALLI

Klausa 6 dan Lampiran G Perjanjian Mutawalli memperuntukkan bahawa Pemegang Amanah berhak menerima yuran mutawalli sebanyak 5% daripada pengagihan pendapatan (sekiranya ada) bagi setiap Tabung Unit Amanah yang diwakafkan.

	<b>01.01.2023</b> <b>sehingga</b> <b>31.12.2023</b> <b>RM</b>	<b>25.10.2021</b> <b>sehingga</b> <b>31.12.2022</b> <b>RM</b>
Yuran mutawalli	102,156	37,706

## DANA MANFAAT WAKAF ASNB

### NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2023

#### 7. AGIHAN WAKAF - PENDIDIKAN

	01.01.2023 sehingga 31.12.2023 RM	25.10.2021 sehingga 31.12.2022 RM
Agihan secara tunai	72,000	6,029
Agihan berbentuk barangan	58,682	22,662
	<u>130,682</u>	<u>28,691</u>

Dana manfaat wakaf telah diagihkan bagi tujuan pendidikan seperti berikut:

- i. Kerjasama dengan Yayasan Universiti Multimedia (YUM) bagi menaiktaraf lima (5) dewan kuliah Hyflex (kelas berteknologi tinggi) di bawah projek "Flexible Learning Space HyFlex HySpace";
- ii. Kerjasama dengan Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) bagi penajaan yuran pengajian program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-UNITEN untuk 11 pelajar mahasiswa;
- iii. Pemberian komputer riba kepada sekolah-sekolah di negeri Terengganu dan Negeri Sembilan;
- iv. Pemberian papan putih interaktif kepada sekolah-sekolah di negeri Sabah dan Negeri Sembilan;
- v. Pembekalan bahan ilmiah perpustakaan kepada sekolah-sekolah di negeri Melaka;
- vi. Pembekalan kit pertolongan cemas kepada sekolah-sekolah di negeri Sabah dan Melaka;
- vii. Pembekalan peralatan sukan kepada sekolah-sekolah di negeri Terengganu;
- viii. Pembekalan mesin jahit mudah alih dan set alatan pertukangan kepada Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Kelantan;
- ix. Pembekalan set hidroponik beserta biji benih kepada Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas di negeri Kelantan dan Perak;
- x. Pembekalan mesin penapis air kepada Sekolah Rendah Islam Alor Setar di negeri Kedah; dan
- xi. Pembekalan katil dua tingkat beserta tilam dan kipas berdiri kepada Madrasah Tahfiz Al-Quran Al-Hamidiyah Lil Banat di negeri Johor.

#### Sumber pengagihan

Sumber pengagihan kepada wakaf pendidikan bagi tahun kewangan adalah daripada pengagihan pendapatan daripada unit-unit amanah dengan tahun berakhir 31 Disember 2022 dan 31 Mac 2023.

## DANA MANFAAT WAKAF ASNB

### NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2023

#### 8. AGIHAN WAKAF - KESIHATAN

	01.01.2023 sehingga 31.12.2023 RM	25.10.2021 sehingga 31.12.2022 RM
Agihan secara tunai	350,400	15,000
Agihan berbentuk barangan	-	4,330
	<u>350,400</u>	<u>19,330</u>

Dana manfaat wakaf telah diagihkan bagi tujuan kesihatan seperti berikut:

- Kerjasama dengan Hospis Malaysia bagi pembekalan ubat-ubatan dan peralatan perubatan di bawah projek "Hospis Malaysia's Medicine and Medical Supplies Fund Appeal";
- Kerjasama dengan Dana Zakat CSR PNB (Negeri) bagi pembelian mesin Luminex Labscan 3 D/ IS 200 iaitu mesin pengkelasan tisu HLA bagi tujuan transplantasi organ dan tisu kepada Hospital Al-Sultan Abdullah, Universiti Teknologi MARA (UITM);
- Kerjasama dengan Yayasan AIDS Malaysia bagi pembekalan ubat-ubatan "2 Line ARV-HIV Medicine Assistance Medication"; dan
- Kerjasama dengan Yayasan Institut Jantung Negara (IJN) bagi pembiayaan kos rawatan pembedahan dan rawatan perubatan di bawah Program Bantuan Pesakit Yayasan IJN.

#### Sumber pengagihan

Sumber pengagihan kepada wakaf kesihatan bagi tahun kewangan adalah daripada pengagihan pendapatan daripada unit-unit amanah dengan tahun berakhir 31 Disember 2022, 31 Mac 2023 dan 30 Jun 2023.

## DANA MANFAAT WAKAF ASNB

### NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2023

#### 9. AGIHAN WAKAF - PEMERKASAAN KOMUNITI

	01.01.2023 sehingga 31.12.2023 RM	25.10.2021 sehingga 31.12.2022 RM
Agihan secara tunai	48,000	-
Agihan berbentuk barangan	47,435	7,144
	<u>95,435</u>	<u>7,144</u>

Dana manfaat wakaf telah diagihkan bagi tujuan pemeraksanaan komuniti seperti berikut:

- Kerjasama dengan Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM) - myWakaf bagi pembekalan kubah pengeringan bersolar ("Solar Dome Dryer") untuk kegunaan para nelayan & petani di negeri Perlis;
- Pembekalan alatan bantuan pembelajaran dalam bentuk alatan masakan dan alatan elektrik kepada Taman Sinar Harapan Ziyad Zolkefli Cheras di negeri Selangor;
- Pembekalan katil hospital beserta tilam kepada Taman Sinar Harapan Kuala Kubu Bharu untuk penjagaan, perlindungan dan pemulihan Orang Kurang Upaya (OKU);
- Pembekalan set kelengkapan jenazah kepada masjid-masjid di negeri Sarawak dan Perak;
- Pembekalan almari besi "trainee locker" kepada Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim Al-Ihsan Daerah Lipis di negeri Pahang; dan
- Pembekalan mesin penapis air kepada Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti Kemuning bagi kegunaan OKU di Negeri Sembilan.

#### Sumber pengagihan

Sumber pengagihan kepada wakaf pemeraksanaan komuniti bagi tahun kewangan adalah daripada pengagihan pendapatan daripada unit-unit amanah dengan tahun berakhir 31 Disember 2022, 31 Mac 2023 dan 30 Jun 2023.

## DANA MANFAAT WAKAF ASNB

### NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2023

#### 10. AGIHAN WAKAF - MISI KEMANUSIAAN

	01.01.2023 sehingga 31.12.2023 RM	25.10.2021 sehingga 31.12.2022 RM
Agihan secara tunai	<u>22,000</u>	<u>18,200</u>

Dana manfaat wakaf telah diagihkan bagi tujuan misi kemanusiaan iaitu dalam bentuk bantuan kotak bekalan makanan asas kepada yang memerlukan melalui kerjasama dengan Yayasan Kebajikan Muslim (MyFund Action) di bawah projek “Box of Happiness”.

#### Sumber pengagihan

Sumber pengagihan kepada wakaf misi kemanusiaan bagi tahun kewangan adalah daripada pengagihan pendapatan daripada unit-unit amanah dengan tahun berakhir 31 Disember 2022 dan 31 Mac 2023.

#### 11. PENDAPATAN BERSIH

Pendapatan bersih adalah dana yang belum diagihkan untuk wakaf pada tahun kewangan berakhir.

Pendapatan bersih adalah kerana faktor perbezaan masa antara pengakruan pengagihan pendapatan dan penerimaan bayaran daripada unit-unit amanah. Pengagihan pendapatan bagi unit-unit amanah dengan tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 adalah diakrukan apabila pengagihan pendapatan diumumkan pada Disember 2023 manakala pengagihan pendapatan diterima oleh Dana pada Januari 2024.

Dana yang belum diagihkan akan di bawa hadapan kepada tahun seterusnya dan akan diagihkan untuk wakaf setelah pengagihan pendapatan diterima daripada Tabung unit-unit amanah berkenaan.

#### 12. UNIT-UNIT WAKAF TERKUMPUL

Unit-unit wakaf terkumpul adalah jumlah unit dalam pelaburan unit-unit amanah ASNB yang telah diwakafkan oleh pewakaf-pewakaf sepanjang tahun kewangan berakhir.

Unit-unit wakaf adalah dipegang oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan sebagai pemegang amanah tunggal wakaf ASNB.

Unit-unit wakaf adalah kekal sebagai pelaburan pokok di mana pelaburan berterusan menjana pengagihan pendapatan secara tahunan untuk disalurkan kepada projek-projek wakaf yang dikenal pasti.

## DANA MANFAAT WAKAF ASNB

### NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2023

#### 13. DEPOSIT DENGAN INSTITUSI KEWANGAN

	2023	2022
	RM	RM
<b>Pada kos</b>		
Institusi-institusi kewangan Islam	200,142	-

Purata wajaran kadar pendapatan efektif ("PWKPE") tahunan dan purata kematangan bagi deposit dengan institusi kewangan pada tarikh penyata kedudukan kewangan adalah seperti berikut:

	2023		2022	
	PWKPE (% p.a)	Purata Tempoh Matang (Hari)	PWKPE (% p.a)	Purata Tempoh Matang (Hari)
Institusi-institusi kewangan Islam	3.30	7	-	-

Tidak ada deposit dengan institusi kewangan dengan tempoh matang melebihi 90 hari (2022: Tiada).

#### 14. PENDAPATAN BELUM TERIMA

	2023	2022
	RM	RM
Pengagihan pendapatan belum terima daripada unit-unit amanah:		
Amanah Saham Bumiputera ("ASB")	1,666,941	650,093
Amanah Saham Nasional ("ASN")	20,614	19,554
ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global ("ASN Imbang 3 Global")	84	74
	<u>1,687,639</u>	<u>669,721</u>
Pendapatan belum terima daripada instrumen pasaran kewangan Islamik	55	-
	<u>1,687,694</u>	<u>669,721</u>

Pendapatan belum terima telah diterima Dana dalam tempoh tidak melebihi 30 hari daripada tahun kewangan berakhir (2022: Tidak melebihi 30 hari).

## DANA MANFAAT WAKAF ASNB

### NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2023

#### 15. JUMLAH TERHUTANG KEPADA PENGURUS

	<b>2023</b>	<b>2022</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Yuran pentadbiran tertunggak	109,697	43,532
Yuran perkhidmatan tertunggak	215,565	114,045
Tunai di bank didahulukan oleh Pengurus	-	1,952
	<u>325,262</u>	<u>159,529</u>

Jumlah terhutang kepada Pengurus adalah tidak bercagar, bebas caj pendapatan dan tidak perlu dibayar balik atas permintaan.

#### 16. JUMLAH TERHUTANG KEPADA PEMEGANG AMANAH

	<b>2023</b>	<b>2022</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Yuran mutawalli tertunggak	<u>84,382</u>	<u>33,486</u>

Jumlah terhutang kepada Pemegang Amanah adalah tidak bercagar, bebas caj pendapatan dan tidak perlu dibayar balik atas permintaan.

#### 17. YURAN JURUAUDIT

Yuran juruaudit bagi tahun kewangan ditanggung oleh Pengurus seperti berikut:

	<b>01.01.2023</b>	<b>25.10.2021</b>
	<b>sehingga</b>	<b>sehingga</b>
	<b>31.12.2023</b>	<b>31.12.2022</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Yuran juruaudit	<u>11,600</u>	<u>11,000</u>



## **DANA MANFAAT WAKAF ASNB**

### **NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2023**

#### **18. NILAI SAKSAMA INSTRUMEN KEWANGAN**

Jumlah dibawa untuk kesemua aset-aset dan liabiliti-liabiliti kewangan Dana pada tarikh pelaporan adalah anggaran munasabah bagi nilai saksama yang didapati daripada instrumen yang berjangka pendek.

#### **19. POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN**

Polisi pengurusan risiko kewangan adalah untuk memastikan sumber kewangan yang berterusan untuk disalurkan kepada projek-projek wakaf yang dikenal pasti serta mengurus risiko kecairan.

##### **(a) Risiko kredit**

Risiko kredit ialah risiko dimana kegagalan dari pihak yang berurusniaga untuk menunaikan kewajipan perdagangan.

##### **Pendedahan risiko kredit**

Pada tarikh laporan, pendedahan maksimum Dana terhadap risiko kredit diwakili oleh jumlah dibawa setiap kelas aset kewangan yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan.

##### **(b) Risiko kecairan**

Risiko kecairan adalah risiko apabila Dana tidak mampu untuk memenuhi komitmen kewangan apabila ia perlu dijelaskan.

##### **Pendedahan risiko kecairan**

Pada tarikh laporan, pendedahan maksimum Dana terhadap risiko kecairan diwakili oleh jumlah dibawa setiap kelas liabiliti kewangan yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan.

##### **(c) Risiko kadar pendapatan**

Risiko kadar pendapatan ialah risiko perubahan nilai saksama atau aliran tunai masa hadapan instrumen kewangan Dana disebabkan perubahan dalam kadar pendapatan pasaran.

Pelaburan dalam deposit dengan institusi kewangan yang membawa kadar pendapatan tetap biasanya dilabur semula secara harian atau bulanan.

## DANA MANFAAT WAKAF ASNB

### NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2023

#### 19. POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

##### (c) Risiko kadar pendapatan (samb.)

Bagi mengurangkan risiko kadar pendapatan, Pengurus secara aktif menguruskan risiko kadar pendapatannya dengan mengekalkan portfolio instrumen kewangan berpandukan garis panduan dan polisi pelaburannya, dan semakan tetap kadar keuntungan dan jangkaan pasaran.

##### Pendedahan risiko kadar pendapatan

Jadual berikut menganalisa pendedahan risiko kadar pendapatan Dana. Aset dan liabiliti Dana dikategorikan berdasarkan tarikh kematangan seperti berikut.

	1 hingga 3 bulan RM	Tanpa pendapatan RM	Jumlah RM	Kadar Pendapatan Efektif (KPE) %
<b>2023</b>				
<b>Aset:</b>				
Deposit dengan institusi kewangan	200,142	-	200,142	3.30
Tunai di bank	-	3,912	3,912	-
Lain-lain aset	-	1,687,694	1,687,694	-
Jumlah aset	<u>200,142</u>	<u>1,691,606</u>	<u>1,891,748</u>	
<b>Liabiliti:</b>				
Lain-lain liabiliti	-	409,644	409,644	-
Jumlah liabiliti	<u>-</u>	<u>409,644</u>	<u>409,644</u>	
<b>2022</b>				
<b>Aset:</b>				
Tunai di bank	-	3,274	3,274	-
Lain-lain aset	-	669,721	669,721	-
Jumlah aset	<u>-</u>	<u>672,995</u>	<u>672,995</u>	
<b>Liabiliti:</b>				
Lain-lain liabiliti	-	193,015	193,015	-
Jumlah liabiliti	<u>-</u>	<u>193,015</u>	<u>193,015</u>	

## Alamat Cawangan ASNB

### Wilayah Persekutuan

Kaunter Utama ASNB Tingkat 1,  
Balai PNB, 201-A, Jalan Tun Razak,  
50400 Kuala Lumpur,  
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Lot 27, Kompleks Perbadanan Putrajaya,  
Presint 3, Persiaran Perdana,  
62675 Putrajaya,  
Wilayah Persekutuan Putrajaya

### Selangor

Lot 18-1 & 18-2, Pusat Dagangan UMNO Shah Alam,  
Persiaran Damai Seksyen 11,  
40000 Shah Alam, Selangor

No.7 Jalan Medan Niaga 2,  
Medan Niaga Kuala Selangor ,  
45000 Kuala Selangor, Selangor

### Melaka

No. 11 & 13, Kompleks Perniagaan Al Azim,  
Jalan KPAA 1, Bukit Baru,  
75150 Melaka

### Negeri Sembilan

No. 120 & 121,  
Jalan Dato' Bandar Tunggal,  
70000 Seremban, Negeri Sembilan

### Perak

No. 8 & 8A, Persiaran Greentown 1,  
Greentown Business Centre,  
30450 Ipoh, Perak

No. 273, Jalan Intan 12,  
Bandar Baru Teluk Intan,  
36000 Teluk Intan, Perak

### Pahang

No. 71 & 73, Tingkat Bawah ,  
Jalan Tun Ismail,  
25000 Kuantan, Pahang

No.8, Jalan Ahmad Shah,  
Bandar Seri Semantan,  
28000 Temerloh, Pahang

### Pulau Pinang

A-12A-1 dan A-12A-2  
Lorong Bayan Indah 4, Bay Avenue,  
11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang

No. 12, Jalan Todak 3,  
Pusat Bandar Seberang Jaya,  
13700 Seberang Jaya, Pulau Pinang

### Perlis

No 5 & 7, Jalan Indera Kayangan,  
01000 Kangar, Perlis

### Terengganu

Lot 1,2&3, Tingkat Bawah dan 1  
Jalan Pejabat, Mukim Bandar,  
20200 Kuala Terengganu, Terengganu

*Ahad - Khamis 8:15 pagi - 4:00 petang (Kecuali Cuti Umum)*

### Kelantan

Lot 1182 & 1183, Jalan Kebun Sultan,  
15350 Kota Bharu, Kelantan

No. 52, 52A & 52B, Jalan Pasir Puteh Sentral 2/5,  
16800 Pasir Puteh, Kelantan

*Ahad - Khamis 8:15 pagi - 4:00 petang (Kecuali Cuti Umum)*

*Ahad - Khamis 8:15 pagi - 4:00 petang (Kecuali Cuti Umum)*

### Kedah

No 26 & 27, Kompleks Shahab Perdana,  
Jalan Sultanah Sambungan,  
05250 Alor Setar, Kedah

No.51 dan 53,  
Jalan Perdana Heights 2/2, Perdana Heights,  
08000 Sungai Petani, Kedah

### Johor

No. 9 & 9A dan No. 10 & 10A,  
Jalan Abdul Rahman, Bandar Penggaram  
83000 Batu Pahat, Johor

Lot No 12 & 14,  
Jalan Padi Emas 1/2, Uda Business Centre  
81200 Johor Bahru, Johor

No.6 dan 7,  
Jalan Muhibbah, Taman Muhibbah,  
85000 Segamat, Johor

## Sabah

Tingkat Bawah dan Satu,  
No. A-G-18 & A-1-18, Blok A,  
Sutera Avenue, Jalan Coastal  
88100 Kota Kinabalu, Sabah

Tingkat Bawah, Lot 1,  
Circular Blok A Harbour Town, Jalan Pantai,  
91100 Lahad Datu, Sabah

Lot 15, Tingkat Bawah,  
Bandar Pasaraya, Fasa I,  
90000 Sandakan, Sabah

TB 4287 & TB 4280  
Tingkat Bawah & 1 Town Ext II  
Jalan Masjid, Kompleks Fajar Tawau  
91000 Tawau, Sabah

Lot 8 & 9, Blok B,  
Pusat Komersil Datun, Jalan Masak,  
89008 Keningau, Sabah

## Sarawak

Tingkat Bawah, Lot 499,  
Al-Idrus Commercial Centre,  
Seksyen 6, Jalan Kulas,  
93400 Kuching, Sarawak

Sublot 2 & 3, Lot 4496,  
Junction 28, Jalan Keppel,  
97000 Bintulu, Sarawak

4C Ground Floor,  
Lot 832 Jalan Sabu  
95000 Sri Aman, Sarawak

Lot 1959, Tingkat Bawah Lot 1960 & 1961,  
Marina Square Phase 2,  
Marina Park City,  
98000 Miri, Sarawak

Lot 1457 & 1458  
Sg. Kudang Shophouse Ground Floor,  
Jalan Buangsiol  
98700 Limbang, Sarawak

Lot 1007 & 1008  
Jalan Kampung Nyabor  
96000 Sibu, Sarawak

### **PENGURUS**

ASNB WAKALAH SDN. BHD. 20212002976 (1403274-P)  
Anak syarikat milik penuh:  
AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD 197901003200 (47457-V)

### **PERHUBUNGAN KORPORAT**

ASNB Wakalah Sdn. Bhd.  
Aras 91, Menara Merdeka 118,  
Presint Merdeka 118,  
50118 Kuala Lumpur,  
Wilayah Persekutuan  
[asnbwakalah@pnb.com.my](mailto:asnbwakalah@pnb.com.my)

### **PUSAT KHIDMAT PELANGGAN ASNB**

03-7730 8899

### **EMEL**

[asnbcare@pnb.com.my](mailto:asnbcare@pnb.com.my)

### **LAMAN WEB**

[www.asnb.com.my/wakaf.php](http://www.asnb.com.my/wakaf.php)

### **PORTAL**

[www.myasnb.com.my](http://www.myasnb.com.my)

### **Aplikasi Mudah Alih myASNB**

Imbas kod QR untuk muat turun  
Aplikasi Mudah Alih myASNB



### **PAUTAN BERKAITAN**

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan  
[www.maiwp.gov.my](http://www.maiwp.gov.my)